



**UCAPAN-UCAPAN
TUN HUSSEIN ONN
1981**

*Diterbitkan oleh
Arkib Negara Malaysia
dengan kerjasama
Jabatan Perdana Menteri*

DICETAK OLEH TERUSAN SELATAN SDN. BHD.
17A, Jalan Jejaka Tiga, Taman Maluri, Cheras,
Kuala Lumpur.
1981

KANDUNGAN

MUKA
SURAT

PENDAHULUAN	vii
-------------	-----	-----	-----	-----	-----	-----

PENJELASAN	x
------------	-----	-----	-----	-----	-----	---

SINGKATAN	xi
-----------	-----	-----	-----	-----	-----	----

UCAPAN-UCAPAN						
---------------	--	--	--	--	--	--

Ucapan YAB Perdana Menteri Di Majlis Perpisahan untuk Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Ayub, Ketua Setiausaha Negara, Di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 2hb Januari, 1981	1
---	-----	-----	-----	-----	-----	---

Ucapan YAB Perdana Menteri Ketika Mengumumkan Rancangan Pindah Hakmilik Saham Milikan Kerajaan Kepada Bumiputera Di Dewan Taklimat, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 9hb Januari, 1981	7
--	-----	-----	-----	-----	-----	---

Ucapan YAB Perdana Menteri, Merangkap Menteri Pertahanan Di Majlis Jamuan Makan Malam Perpisahan untuk Ketua Turus Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Haji Mohd. Sany bin Abdul Ghafar, Di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur pada 12hb Januari, 1981	14
--	-----	-----	-----	-----	-----	----

Speech by the Honourable Prime Minister at the Dinner Given in Honour of His Excellency Mr. Zenko Suzuki, The Prime Minister of Japan, at Parliament House, Kuala Lumpur on 15th January, 1981	19
--	-----	-----	-----	-----	-----	----

Usul dan Ucapan YAB Perdana Menteri Semasa Membentangkan Rancangan Malaysia Ke Empat Di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 27hb Mac, 1981	23
--	-----	-----	-----	-----	-----	----

Ucapan YAB Perdana Menteri Ketika Melancarkan Sekim Amanah Saham Nasional Di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 20hb April, 1981	32
---	-----	-----	-----	-----	-----	----

MUKA
SURAT

Ucapan YAB Perdana Menteri Di Muktamar Parti BERJASA, Di Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan pada 24hb April, 1981 (Ucapan ini disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad)	37
Speech by the Honourable The Prime Minister at the Launching of the Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. at the Kuala Lumpur Regent on 25th April, 1981 ...	43
✓ Ucapan YAB Perdana Menteri Di Majlis Perasmian Exposisi Latihan Perindustrian, Di Changkat Pavilion pada 2hb Mei, 1981	47
Ucapan YAB Perdana Menteri Semasa Merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru, Di Kelab Golf Tasek Utara, Johor Bahru pada 15hb Mei, 1981	52
Ucapan YAB Perdana Menteri Semasa Merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading, Di Sekolah Menengah Tun Ismail, Parit Raja, Batu Pahat, Johor pada 16hb Mei, 1981...	59
Ucapan YAB Perdana Menteri Semasa Merasmikan Pembukaan Depoh Baikpulih Kapalterbang TUDM (AIROD) Di Subang pada 6hb Jun, 1981... ...	66
Ucapan YAB Perdana Menteri Di Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan, Di Seremban, Negeri Sembilan pada 21hb Jun 1981... ...	70
✓ Ucapan YAB Perdana Menteri Selaku Presiden UMNO Di Majlis Meletak Batu Asas Kompleks Bangunan UMNO, Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur pada 25hb Jun, 1981	78
✓ Ucapan YAB Perdana Menteri Selaku Presiden UMNO Malaysia, Di Perhimpunan Agung UMNO Kali Yang ke-32, Di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 26hb Jun, 1981	83

**MUKA
SURAT**

Ucapan YAB Perdana Menteri Di Upacara Penutup Musabaqah Membaca Al-Quran Angkatan Tentera, Di Stadium Mindef, Jalan Padang Tembak Kuala Lumpur pada 10hb Julai, 1981	93
INDEKS	99

"Seseorang pemimpin mestilah jujur. Kejujuran yang saya maksudkan, bukan sahaja dari segi sokongan yang diberi kepada perjuangan parti, tetapi juga dalam pemikiran, pertimbangan dan tindakan. Tanpa kejujuran yang tulin, seseorang pemimpin akan menggunakan jawatannya sebagai bahan dagangan untuk mencapai kedudukan, mencari pengaruh, nama dan membolot kekayaan. Ia akan menjadikan parti dan perjuangan sebagai topeng untuk memuaskan hawa nafsu. Ia akan mengambil kesempatan daripada sesuatu suasana atau krisis untuk menanggok di air keroh."

Dato' Hussein Onn

Ucapan semasa merasmikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading, Di Sekolah Menengah Tun Ismail, Parit Raja, Batu Pahat, Johor pada 16hb Mei, 1981.

PENDAHULUAN

Arkib Negara merasa bangga kerana dapat memulakan satu lagi siri penerbitan ikhtisas di dalam bentuk in-extenso yang mengandungi ucapan-ucapan Y.A.B. Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia yang ketiga. Ucapan-ucapan yang dipilih untuk penerbitan jilid pertama didalam siri ini adalah merupakan ucapan-ucapan beliau dalam tahun 1981 iaitu di tahun akhir beliau bertugas sebagai Perdana Menteri Malaysia. Ucapan-ucapan bagi tahun sebelumnya akan diterbitkan secara bersiri yang meliputi dari masa beliau menjadi Perdana Menteri Malaysia iaitu dalam tahun 1976. Tahun 1981 adalah merupakan satu tahun yang penting di dalam sejarah Malaysia dan bagi diri Tun Hussein sendiri. Di tahun inilah beliau terpaksa menghadapi satu pembedahan "Coronary by-pass" di London. Akibat daripada pembedahan ini beliau terpaksa mengundurkan diri dari politik kerana kesihatan beliau tidak mengizinkan beliau bergerak cergas di dalamnya. Beliau telah bersara pada 16hb. Julai, 1981 dan telah dianugerahkan Bintang Seri Maharaja Mangku Negara (SMN) oleh D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agung yang membawa gelaran Tun. Berikut dengan persaraannya berlakulah perubahan didalam pucuk pimpinan UMNO dan negara.

Setiap detik sejarah yang kita lalui telah menambah kematangan kita dalam menempa masa depan negara. Di tahun 1981 Tun Hussein Onn telah melancarkan Rancangan Malaysia Keempat sebagai satu perubahan dalam pembangunan negara mengikut Dasar Ekonomi Baru yang telah diterima dan disokong oleh semua pihak, golongan dan lapisan masyarakat. Di dalam ucapannya beliau telah menekankan kepada pembaharuan struktur ekonomi negara yang telah membawa perubahan-perubahan tertentu kepada struktur pengeluaran, pekerjaan dan ekspot. Beliau menekankan bahawa dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat negara ini akan maju setapak lagi dalam usaha-usahanya untuk menguatkan kemakmuran dan mengukuhkan perpaduan.

Ketika melancarkan Sekim Amanah Saham Nasional pada 20hb April 1981 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur Tun Hussein telah menegaskan bahawa sekim ini membawa kita setapak lagi ke hadapan dalam usaha-usaha untuk memenuhi hasrat dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Beliau

percaya bahawa pemindahan hak-milik saham Kerajaan kepada Bumiputera ini adalah sebagai satu amanah dan janji Kerajaan ketika melancarkan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan bagi mengimbangkan Bumiputera dengan bukan Bumiputera. Sekim ini akan memberi peluang kepada kaum Bumiputera menikmati faedah-faedah yang lebih daripada pemilikan saham-saham syarikat yang selama ini tidak dinikmati sepenuhnya oleh mereka.

Di mana sahaja beliau berucap Tun Hussein sentiasa menyentuh tentang tugas Kerajaan khususnya UMNO dalam meninggikan taraf hidup rakyat dari segi sosial dan ekonomi, membetulkan kepincangan yang diwarsi akibat pentadbiran penjajah yang menjadi perjuangan selepas kemerdekaan. Semenjak selepas kemerdekaan berbagai rancangan telah dijalankan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat. Rancangan-rancangan ini termasuklah rancangan pembangunan luar bandar, pembukaan tanah, penanaman semula dan lain-lain. Pendeknya usaha-usaha sepuluh tahun selepas merdeka adalah tertumpu kepada usaha-usaha memusatkan perkembangan ekonomi dan sosial. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa Tun Hussein sangat-sangat menekankan perpaduan rakyat dikalangan semua kaum di Malaysia. Beliau menegaskan dalam usaha memperjuangkan nasib Bumiputera, Kerajaan tidaklah mengenepikan kepentingan kaum-kaum lain kerana asas kestabilan negara bergantung kepada perpaduan rakyat iaitu satu bahasa, satu kebudayaan dan satu sistem pelajaran. Bagi Tun Hussein pelajaran bukan sahaja merupakan asas kepada perpaduan tetapi juga asas kemajuan sosial dan ekonomi sesbuah negara yang membangun. Oleh sebab itu Kerajaan telah meluaskan peluang pelajaran serta meninggikan mutunya. Universiti-universiti ditubuhkan untuk menampung keperluan pelajaran tinggi. Disamping itu beliau juga merasakan bahawa sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal juga perlu ditambah untuk meninggikan lagi taraf pelajaran di negara ini.

Disamping usaha-usaha memusatkan pembangunan negara baik dari segi pembangunan, pelajaran dan kebajikan, Tun Hussein yakin faktur keselamatan dan pertahanan negara juga harus ditingkatkan untuk memperbesar dan memodenkan Angkatan Bersenjata, sesuai dengan kemampuan negara untuk menentang aktiviti-aktiviti dan propaganda-propaganda kominis. Tun Hussein berpendapat, di dalam usaha untuk memodenkan dan menguatkan kemampuan pertahanan beberapa faktur harus diambil

kira. Faktur utama ialah organisasi Angkatan Tentera yang berkesan dan latihan yang cukup dengan menggunakan apa sahaja kemudahan dan sumber yang terhad dengan cara yang paling berkesan.

Sebagai seorang Islam yang percaya teguh kepada ajaran ugama, Tun Hussein selalu menyeru kepada rakyat Malaysia supaya berpegang teguh kepada nilai-nilai moral dan ugama. Beliau percaya bahawa dengan ini sahajalah seseorang akan dapat hidup lebih sejahtera dan mempunyai landasan hidup yang nyata dan sempurna. Dengan nilai-nilai keharmonian yang tinggi juga seseorang dapat mengawal diri daripada penyakit-penyakit masyarakat.

Di dalam usaha mengumpulkan ucapan-ucapan untuk tahun 1981 ini banyak Jabatan Kerajaan dan pihak swasta telah dihubungi untuk mendapatkan teks penuh ucapan-ucapan Tun Hussein, gambar-gambar dan lain-lain lagi. Kerjasama yang diperolehi adalah sangat-sangat menggalakkan. Arkib Negara ingin merakamkan penghargaan yang tinggi kepada semua Jabatan yang telah memberikan bantuan khasnya kepada Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Penerangan, Jabatan Percetakan Negara dan Utusan Melayu.

ZAKIAH HANUM
Ketua Pengarah
Arkib Negara Malaysia.

7hb. Ogos, 1981

PENJELASAN

Indeks

Ucapan-ucapan yang terdapat di dalam penerbitan ini adalah diterbitkan di dalam bahasa asalnya. Indeks untuk ucapan-ucapan ini adalah disediakan mengikut bahasa ucapan asalnya, iaitu indeks di dalam bahasa Malaysia untuk ucapan dalam bahasa Malaysia dan indeks di dalam bahasa Inggeris untuk ucapan dalam bahasa Inggeris.

Nombor Kelasifikasi

Di atas tiap-tiap ucapan diberikan satu nombor kelasifikasi, misalnya TH 1:1:81. Ini adalah nombor kelasifikasi arkib untuk tiap-tiap ucapan asal di dalam siri ini yang disimpan di Arkib Negara.

SINGKATAN

ASEAN	—	Association South East Asian Nations
BERJASA	—	Barisan Jamaah Islamiah Se Malaysia
M.C.S.	—	Malayan Civil Service
PAS	—	Parti Islam Se Malaysia
PETRONAS	—	Petroleum National
TUDM	—	Tentera Udara Di Raja Malaysia
UMNO	—	United Malayan National Organisation

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DI MAJLIS
PERPISAHAN UNTUK YANG BERBAHAGIA
TAN SRI ABDULLAH AYUB, KETUA SETIA-
USAHA NEGARA, DI BANGUNAN PARLIMEN,
KUALA LUMPUR PADA 2HB JANUARI, 1981**

Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Ayub dan Puan Sri, Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Aman dan Puan Sri, Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

Majlis pada malam ini, ialah meraikan Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Ayub, yang akan bersara esok. Di samping itu, kita juga meraikan Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Aman sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru.

Ini adalah kali yang ketiga, saya mengucapkan perpisahan kepada Ketua Setiausaha Negara. Sebelumnya, saya pernah berucap di majlis perpisahan bagi Allahyarham Tan Sri Abdul Kadir bin Shamsuddin¹, Tan Sri Abdullah Salleh², yang sekarang menjadi Penggerusi PETRONAS, dan kini pula, di majlis perpisahan bagi Tan Sri Abdullah Ayub. Ini bermakna, saya telah dapat bekerja dengan empat orang Ketua Setiausaha Negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian,

Persaraan Tan Sri Abdullah Ayub, merupakan satu kehilangan yang besar kepada perkhidmatan awam. Sebagaimana yang kita maklum, Tan Sri Abdullah merupakan tokoh perkhidmatan awam yang berkelebar, dan mempunyai pengalaman yang luas serta mendalam, dalam banyak perkara dan urusan Kerajaan.

Tan Sri Abdullah dilahirkan di kampung Pasir Panjang Laut, Sitiawan, pada 3hb. Januari tahun 1926. Beliau telah mendapat didikan awal di Sekolah Rendah Melayu, Pasir Panjang Laut, dan

¹Ketua Setiausaha Negara sejak 1.1.1970 – 2.1.1977.

²Ketua Setiausaha Negara sejak 1.10.1976 – 29.3.1979.

di Sekolah Rendah Inggeris Anglo-Chinese, Sitiawan. Kemudian beliau telah menuntut di Sekolah King Edward Ketujuh di Taiping.

Selepas Perang Dunia Kedua, Tan Sri Abdullah telah melanjutkan pelajaran di Raffles College, Singapura, setelah mendapat Gred 1 (satu) dalam Peperiksaan Senior Cambridge. Setelah lulus dari Raffles College, beliau telah ditawarkan Queen's Scholarship, iaitu satu-satunya biasiswa yang terkemuka. Walau bagaimanapun, beliau tidak dapat menggunakan biasiswa ini, oleh kerana beliau dikehendaki berkhidmat di dalam perkhidmatan M.C.S. pada tahun 1954. Tan Sri Abdullah merupakan salah seorang daripada pegawai-pegawai Melayu yang pertama kali diambil terus oleh Kerajaan Inggeris untuk berkhidmat sebagai pegawai M.C.S

Selepas berkhidmat selama 4 tahun, dalam tahun 1958, Tan Sri Abdullah telah mengikuti kursus Constitutional Law selama setahun di Cambridge University. Sekembalinya ke tanah air, beliau telah bertugas di Kementerian Buruh. Tan Sri Abdullah pernah berkhidmat di Jabatan Perdana Menteri, di Perbendaharaan, dan Jabatan Perkhidmatan Awam, sebelum memegang jawatan Ketua Setiausaha Negara pada 1.1.1979. Sebahagian besar daripada perkhidmatan Tan Sri Abdullah ialah di Perbendaharaan, yang mana telah menjadikan beliau sebagai salah seorang pakar kewangan negara yang sukar ditandingi.

Selain daripada memegang jawatan-jawatan penting di dalam perkhidmatan awam, Tan Sri Abdullah juga turut cergas di dalam kegiatan-kegiatan luar dan sukarela. Beliau aktif sebagai Presiden Persatuan Tadbir dan Diplomatik, dan masih giat di dalam Syarikat Kerjasama dan badan-badan amal dan sukarela,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sekarang sudah sampai pula masanya, bagi kita mengucapkan selamat berpisah kepada Tan Sri Abdullah, setelah berkhidmat dengan cemerlangnya dengan Kerajaan. Walaupun Tan Sri Abdullah telah bersara dari perkhidmatan Kerajaan, hubungannya dengan perkhidmatan awam masih berterusan, kerana beliau telah dilantik pula sebagai Penggerusi Tribunal Perkhidmatan Awam.


Kepada Tan Sri Hashim, yang juga mempunyai pengalaman yang luas didalam perkhidmatan awam, saya mengucapkan selamat datang, dan selamat menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha Negara yang baru. Saya harap pegawai-pegawai dan anggota-anggota perkhidmatan awam, akan memberi sokongan dan kerjasama penuh kepada beliau.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Peranan dan tugas Ketua Setiausaha Negara, adalah penting dan berat. Ketua Setiausaha Negara, bukan sahaja dikehendaki berdamping rapat dan melibatkan diri dalam proses penggubalan, perlaksanaan dan penilaian dasar, tetapi juga dalam menjamin perjalanan pentadbiran awam yang licin dan berkesan. Sebagai jawatan yang tertinggi di dalam perkhidmatan awam, Ketua Setiausaha Negara perlu sentiasa memberi bimbingan kepada anggota-anggota pentadbiran awam, serta menggerakkan jentera pentadbiran awam untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Tugas-tugas yang berat ini, perlulah difahami dan diberi sokongan oleh anggota-anggota perkhidmatan awam keseluruhannya. Ketua Setiausaha Negara merupakan penyelaras pentadbiran di peringkat Kementerian-kementerian. Di Jabatan Perdana Menteri pula, beliau adalah bertanggungjawab bagi menyelaraskan tugas unit-unit di bawahnya. Penyelaras ini, adalah penting bagi menjamin dasar-dasar dan keputusan-keputusan yang dibuat dan dicapai, mendapat perkhidmatan kepakaran, yang wujud di Jabatan ini, dengan sepenuhnya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Hasrat Kerajaan untuk memusatkan pembangunan, menjamin kemakmuran dan keselamatan negara, adalah satu beban yang berat bagi perkhidmatan awam. Perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan, adalah hasil daripada anggota-anggotanya yang didiksi, bertanggungjawab dan mempunyai sikap berkhidmat untuk negara. Cogan kata "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA". hendaklah sentiasa dipupuk dan dijadikan panduan oleh setiap anggota perkhidmatan awam.



YAB Dato' Hussein Onn sedang menyampaikan cenderamata kepada bekas Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdullah Ayub di majlis perpisahan untuk beliau di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur pada 2hb Januari, 1981.

Pada hemat saya, perkhidmatan awam mempunyai tiga tugas yang penting, yang perlu difahami dan dilaksanakan oleh anggota-anggota perkhidmatan awam. Tugas pertama ialah tugas-tugas biasa atau 'routine'. Kedua, ialah tugas memperbaiki sistem dan prosidur, supaya tugas-tugas biasa dapat dibuat dengan lebih baik, dari masa ke semasa. Ketiga ialah tugas-tugas berhubung dengan pembangunan, penggubalan dan penilaian dasar. Tugas-tugas biasa dan pemberian pada umumnya, adalah tertumpu kepada pegawai-pegawai bawahan, sedangkan tugas-tugas mengenai pembangunan dan dasar, adalah menjadi tanggungjawab pagawai-pegawai atasan. Namun begitu, seseorang Ketua Jabatan, atau pegawai atasan, mestilah sentiasa memberi perhatian, supaya ketiga-tiga tugas ini dilaksanakan dengan cermat, cepat dan berkesan. Di samping itu, tugas-tugas ini juga hendaklah dilaksanakan dengan sikap pembaharuan atau "innovative", dan dengan dorongan untuk memberi perkhidmatan yang baik dan selesa kepada rakyat. Demikian juga, anggota-anggota perkhidmatan awam, hendaklah insaf bahawa mereka adalah bertanggungjawab dan diberi amanah untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan.

Di dalam keadaan di mana negara sedang membangun dengan pesatnya, perkhidmatan awam hendaklah sentiasa sedar tentang hasrat Kerajaan, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan negara. Perhatian yang berat, mestilah diberi dalam mengatasi apa jua masalah yang boleh menjejas imej dan janji-janji Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Kita akan melancarkan Rancangan Malaysia Ke-Empat tidak berapa lama lagi. Di dalam hal ini, perkhidmatan awam mestilah bersiap sedia dan meningkatkan kemampuannya, supaya rancangan-rancangan yang disediakan, dapat dilaksanakan dengan berkesan. Saya berharap anggota perkhidmatan awam akan mengikis apa jua amalan yang tidak sihat, yang boleh menjejas prestasinya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, bagi pihak Kerajaan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Tan

Sri Abdullah, di atas perkhidmatan cemerlang dan sumbangan baktinya, kepada Kerajaan dan perkhidmatan awam. Saya mengucapkan tahniah di atas perlantikan beliau, sebagai Pengerusi baru Tribunal Perkhidmatan Awam. Saya yakin dengan pengalaman beliau yang luas di dalam perkhidmatan awam, Tan Sri Abdullah akan dapat meneruskan perkhidmatan cemerlangnya. Saya juga berdoa, semoga beliau dan keluarganya sentiasa berada di dalam sihat dan selamat sejahtera.

Terima kasih.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI KETIKA MENGUMUMKAN RANCANGAN PINDAH HAK- MILIK SAHAM MILIKAN KERAJAAN KEPADA BUMIPUTERA DI DEWAN TAKLIMAT, JA- BATAN PERDANA MENTERI, KUALA LUMPUR PADA 9HB JANUARI, 1981

Yang Amat Berbahagia Tun-Tun; Yang Berhormat, Menteri-Menteri, Timbalan-Timbalan Menteri, Menteri-Menteri Besar, Ketua-Ketua Menteri dan Ketua-Ketua dan Wakil-Wakil Parti Komponen Barisan Nasional, Dif-Dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bagi Malaysia, di mana rakyatnya terdiri daripada masyarakat berbilang kaum, asas kestabilan dan perpaduan yang kukuh, adalah faktor yang penting. Asas ini, akan menjamin wujudnya satu rupa bangsa yang utuh dan masa depan negara yang cemerlang. Ia menjadi lebih-lebih lagi penting, di dalam keadaan di mana terdapat perbezaan kedudukan dan kemajuan antara kaum, di dalam bidang-bidang tertentu. Faktor sejarah, sistem politik dan pentadbiran sebelum merdeka, dan suasana sosio-ekonomi di kalangan rakyat berbilang keturunan, telah mewujudkan jurang perbezaan yang nyata di antara kaum-kaum di negara ini.

Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dalam tahun 1970, merupakan satu usaha utama bagi mencapai matlamat perpaduan negara. Ianya bertujuan untuk mengimbangkan kedudukan antara kaum, melalui strategi membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Landasan ini, akan menjadi asas kemakmuran yang lebih lagi bagi rakyat, dalam jangka panjang. Salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru ialah, dalam masa dua puluh tahun sehingga tahun 1990, kaum Bumiputera akan memiliki sekurang-kurangnya 30 peratus daripada jumlah saham di dalam syarikat berhad. Tujuannya ialah untuk membetulkan keadaan yang tidak seimbang, dalam pemilikan saham di kalangan Bumi-putera dengan bukan Bumiputera.



YAB Dato' Hussein Onn ketika mengumumkan Rancangan Hakmilik Saham Milikan Kerajaan kepada Bumiputera di Dewan Taklimat, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur pada 9hb Januari, 1981.

Di dalam tahun 1971, hakmilik saham individu Bumiputera dan agensi amanah ialah 4.3 peratus sahaja daripada jumlah saham syarikat berhad. Ini berbanding dengan 34 peratus, saham milik Bukan Bumiputera. Kerajaan telah berusaha menggalak penyertaan Bumiputera di dalam kegiatan ekonomi. Seterusnya, sebagai usaha menyusun semula masyarakat, dan bagi menambah pemilikan saham oleh Bumiputera, Kerajaan telah menubuhkan beberapa perbadanan atau agensi amanah, syarikat-syarikat milikan dan usaha sama, serta membuat pelaburan saham di dalam syarikat-syarikat tertentu. Tindakan ini adalah dengan tujuan supaya, pada satu masa yang sesuai, saham-saham yang dipegang secara amanah oleh agensi-agensi Kerajaan ini, dapat dipindahkan kepada Bumiputera. Pemindahan ini ialah dengan cara jualan, dan Kerajaan akan menerima balik sumbangan pelaburan yang dibiayainya.

Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah memberi faedah kepada semua kaum di negara ini. Kadar kemiskinan telah berkurang dariapda 49.3 peratus dalam tahun 1970, kepada 30.4 peratus dalam tahun 1980. Mengikut harga tetap tahun 1970, pendapatan purata isi rumah, bagi semua kaum, di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1973, ialah \$313 sebulan. Ini telah meningkat kepada \$459 dalam tahun 1979. Pendapatan purata Bumiputera, telah meningkat daripada \$209 kepada \$309 dalam tempoh yang sama. Pendapatan purata kaum Cina ialah \$461 dalam tahun 1973 dan \$659 dalam tahun 1979, manakala bagi kaum India ialah \$352 dalam tahun 1973 dan \$467 dalam tahun 1979.

Dengan usaha-usaha Kerajaan dan kemampuan Bumiputera yang meningkat, tabungan atau simpanan Bumiputera di dalam institusi kewangan telah bertambah. Dalam tahun 1979, tabungan atau simpanan Bumiputera dalam institusi-institusi kewangan ialah \$6.3 ribu juta.

Dalam pemilikan saham, milik bukan Bumiputera telah bertambah daripada \$5.8 ribu juta dalam tahun 1971, kepada \$10.6 ribu juta dalam tahun 1980. Ini adalah pertambahan daripada 34 peratus kepada 40 peratus, jumlah saham syarikat. Milik Saham Bumiputera dan agensi amanah, telah bertambah daripada \$280 juta atau 4.3 peratus dalam tahun 1971, kepada

\$3,237 juta atau 12.4 peratus dalam tahun 1980. Milik Bumiputera dalam tahun 1980, adalah terdiri daripada 4.2 peratus saham individu, dan 8.2 peratus ialah saham syarikat amanah.

Perangkaan ini, jelas menunjukkan bahawa semua pihak telah mendapat faedah daripada pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Pencapaian 40 peratus pemilikan saham oleh bukan Bumiputera, bukan sahaja satu perkara yang harus disedari oleh bukan Bumiputera, tetapi mereka juga harus menyedari, bahawa usaha-usaha bagi meningkatkan peratusan bagi Bumiputera, mesti dipergiatkan lagi. Walaupun saham milikan Bumiputera telah bertambah, tetapi angkanya masih lagi rendah, bagi mencapai matlamat sekurang-kurang 30 peratus saham milikan Bumiputera, menjelang tahun 1990.

Dengan kedudukan ekonomi kaum Bumiputera yang bertambah baik, serta prestasi syarikat amanah yang menggalakkan, masanya telah sampai dan sesuai, bagi Kerajaan memulakan pemindahan hakmilik saham kepada Bumiputera. Pemindahan hakmilik saham kepada Bumiputera, bukanlah satu dasar atau konsep baru. Ia adalah salah satu amanah dan janji Kerajaan, ketika melancarkan Dasar Ekonomi Baru. Tujuannya, saya tegaskan, ialah untuk mengimbangkan kedudukan Bumiputera dengan bukan Bumiputera.

Dasar pindahan hakmilik saham, telah digubal dengan teliti oleh Kerajaan. Ini adalah untuk menjamin supaya faedah daripada dasar ini, akan dinikmati oleh rakyat Bumiputera seberapa ramai yang boleh, lebih-lebih lagi mereka yang berpendapatan rendah. Saham yang dipegang oleh Kerajaan, akan dipindah milik kepada tiga golongan, iaitu (1) individu-individu Bumiputera, (2) pihak pengurusan dan pekerja syarikat amanah, dan (3) institusi, koperasi dan syarikat Bumiputera.

Pemindahan hakmilik saham Kerajaan kepada individu-individu Bumiputera, akan dilaksanakan melalui satu Sekim Amanah Saham Nasional, yang dikendalikan oleh Yayasan Pelaburan Bumiputera. Sekim ini, akan membuka peluang bagi Kaum Bumiputera menikmati faedah-faedah yang lebih lagi, daripada pemilikan saham syarikat-syarikat, yang selama ini tidak

dinikmati sepenuhnya oleh mereka kerana sebab-sebab tertentu. Bagi pelaksanaan Sekim ini, Yayasan akan mendapat sebahagian besar daripada saham yang akan dipindah milik. Bagi permulaannya 552 juta saham Kerajaan, dalam 21 syarikat sedang dipindahkan kepada Yayasan ini, untuk dijual kepada Bumiputera, melalui Sekim Amanah Saham Nasional. Penjelasan lanjut mengenai Sekim ini, akan dibuat oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, melalui Rancangan Ehwal Semasa di Talivisyen Malaysia esok, iaitu 10hb. Januari.

Persediaan sedang dibuat, bagi membolehkan Bumiputera membeli saham-saham Sekim ini, dalam bulan April, tahun ini. Individu-individu Bumiputera, yang berusia 21 tahun ke atas, adalah layak dan berpeluang membeli unit-unit saham amanah. Bagi menjamin sebahagian besar daripada rakyat Bumiputera mendapat faedah daripada Sekim ini, seorang individu Bumiputera dihadkan memiliki 50,000 unit saham sahaja. Mereka yang tidak mampu membeli saham secara tunai, kerana sebab-sebab kemampuan, boleh menyertai Sekim ini dengan melabur saham secara ansuran. Untuk mengatasi masalah kemampuan juga, seseorang individu Bumiputera, boleh menyertai Sekim ini, dengan bayaran minima sebanyak \$10.00 sahaja. Seseorang pemilik amanah saham, boleh menjual balik sahamnya melalui wakil-wakil Amanah Saham Nasional yang dilantik. Dividen, sekurang-kurangnya 10 peratus setahun, dan bonus dari mana kesemasa, akan diberi kepada mereka yang menyertai Sekim ini. Sehingga tahun 1990, harga jual-beli saham-saham ini ialah \$1.00 bagi satu saham.

Sekim Amanah Saham Nasional membolehkan kaum Bumiputera melabur, serta mendapat didikan, mengenai selok-belok pelaburan saham. Yayasan Pelaburan Bumiputera akan menjamin, supaya tabungan dan pelaburan Bumiputera terus berkembang dan meningkat, sejajar dengan kehendak dan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Yayasan Pelaburan Bumiputera akan menjadi agensi utama, bagi menggembeling dan melabur tabungan individu Bumiputera.

Peranan dan tanggungjawab Yayasan Pelaburan Bumiputera, dan badan-badan di bawahnya, adalah penting dan berat sekali. Mereka adalah diamanahkan, supaya menjalankan segala usaha

dan kegiatannya dengan penuh tanggungjawab dan kejujuran. Ini adalah jaminan Kerajaan. Amanah ini hendaklah dipelihara, oleh setiap anggota Yayasan dan badan-badan dibawahnya.

Sebagaimana yang telah saya sebutkan, sebahagian daripada saham-saham Kerajaan akan dijual kepada anggota pengurusan dan pekerja syarikat-syarikat amanah itu sendiri. Ini termasuklah Bumiputera dan juga Bukan Bumiputera. Langkah ini adalah sebagai penghargaan, terhadap sumbangan mereka, dan sebagai galakan bagi mereka, untuk terus memberi sumbangan cemerlang, dan berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi syarikat.

Sebahagian daripada saham-saham Kerajaan akan dijual kepada institusi, koperasi dan syarikat Bumiputera. Prinsipnya juga ialah, untuk membolehkan penyebaran saham ini dinikmati secara meluas.

Di sini, sukacita saya merakamkan penghargaan, kepada pengurusan dan pekerja syarikat amanah dan agensi-agensi Kerajaan. Mereka telah berusaha dengan tekun dan didiksi, untuk menjamin prestasi yang tinggi bagi syarikat-syarikat amanah. Ini telah membolehkan dasar pindahan hakmilik saham ini, dilaksanakan. Saya harap, mereka akan terus bertekun dan berusaha, supaya Sekim yang sedang dilaksanakan ini, mendapat kemajuan dan kejayaan yang diharapkan.

Saya juga hendak mengingatkan semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan Sekim Pindahan Hakmilik, bahawa pelaksanaan Sekim ini, adalah satu proses bagi menunaikan amanah dan janji Kerajaan kepada rakyat. Setiap perbadanan Kerajaan yang ditubuh untuk melaksanakan dasar ini, adalah pemegang amanah. Matlamatnya ialah, untuk membolehkan Bumiputera mendapat faedah daripada pemilikan saham. Hakikat ini hendaklah sentiasa menjadi panduan bagi pihak-pihak yang berkenaan.

Saya harap, Sekim Pindahan Hakmilik Saham ini, akan benar-benar mendapat sambutan dan sokongan yang diharapkan, dari pada semua pihak. Di sini, saya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih, kepada parti-parti komponen Barisan Nasional, dan ahli-ahlinya, yang telah sama-sama memberi

sokongan kepada Dasar Ekonomi Baru dan Sekim ini, sebagai satu alat pencapaian matlamatnya.

Sekim Pindahan Hakmilik Saham kepada Bumiputera, ialah Sekim Bumiputera sendiri. Ia bukan semata-mata Sekim Kerajaan. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menyediakannya, tetapi kejayaannya adalah bergantung kepada Bumiputera sendiri. Sekim ini adalah Sekim mereka. Kejayaannya terletak di tangan mereka. Saya menyeru kaum Bumiputera untuk mengambil peluang yang terbuka, melalui pelaksanaan Sekim Amanah Saham Nasional ini. Mereka hendaklah menuai tanggungjawab mereka, dan melabur secara aktif melalui Sekim ini. Kerajaan akan membuat apa-apa jua perubahan dan penyesuaian yang perlu, dari masa ke semasa, bagi menjamin dasar pindahan hakmilik saham ini, mencapai kejayaannya. Kerajaan juga tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang wajar, ke atas mana-mana pihak, yang mengambil kesempatan daripada Sekim ini untuk kepentingan diri atau menjelas pencapaian matlamat yang telah ditetapkan.

Sekali lagi, saya menegaskan bahawa perseimbangan kedudukan ekonomi antara kaum, adalah jaminan perpaduan dan masa depan negara. Saya penuh yakin, Rancangan Pindahan Hakmilik Saham ini, akan menjadi alat yang berkesan, kearah mencapai matlamat perpaduan dan kemakmuran negara. Akhir kata, saya dengan segala sukacitanya, mengumumkan dengan rasminya, Rancangan Pindahan Hakmilik Saham, dan berdo'a kehadrat ALLAH diatas kejayaannya.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM PERPISAHAN UNTUK KETUA TURUS ANGKATAN TENTERA, JENERAL TAN SRI DATO' HAJI MOHD. SANY BIN ABDUL GHAFAR, DI HOTEL EQUATORIAL, KUALA LUMPUR PADA 12HB JANUARI, 1981

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan¹, dan Isteri, Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato' Haji Mohd. Sany² dan Puan Sri, Yang Berbahagia Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan³, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya amat sukacita, kerana dapat bersama-sama di Majlis pada malam ini, untuk meraikan Yang Berbahagia Jeneral Tan Sri Dato Haji Mohd. Sany yang akan bersara pada 19 haribulan, bulan ini. Majlis ini, juga memberi peluang kepada saya, untuk berkenalkan-kenalan dengan pagawai-pegawai awam dan tentera yang hadir pada malam ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Jeneral Tan Sri Sany adalah seorang pegawai tentera yang berkelebar, dan penuh kematangan, di dalam bidang ketenteraan. Beliau telah memimpin Angkatan Tentera kita dengan penoh disiplin, didikasi dan cemerlang. Persaraan Jeneral Tan Sri Sany, merupakan satu kehilangan yang besar kepada Angkatan Tentera.

Jeneral Tan Sri Sany dilahirkan pada 19hb. Januari, 1926. Beliau telah memulakan perkhidmatannya dengan Angkatan Tentera 19hb. September, 1949, dan telah ditauliahkan pada 8hb. Februari 1952. Jeneral Tan Sri Sany telah memegang berbagai jawatan, di dalam beberapa bahagian Angkatan Tentera. Beliau juga telah menghadiri berbagai kursus di Seberang Laut, termasuklah di

¹En. Abu Hassan bin Haji Omar.

²Ketua Turus Angkatan Tentera

³Dato' Mohd. Yusof bin Abdul Rahman

Joint Services Staff College, di England, pada bulan Ogos, 1963. Jeneral Tan Sri Sany dilantik sebagai Ketua Turus Tentera Darat pada 1hb. Julai, 1975. Pada 1hb Disember, 1977, beliau telah dilantik sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera. Selain daripada memegang jawatan-jawatan di dalam Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Sany juga pernah berkhidmat sebagai Duta Besar Malaysia ke negeri Belanda.

Jeneral Tan Sri Sany dihormati oleh semua anggota Angkatan Bersenjata. Di bawah pimpinannya yang jujur dan didikasi, Angkatan Bersenjata kita telah terus mencapai kejayaan yang diharapkan. Pengalaman Jeneral Tan Sri Sany yang luas setelah memegang berbagai jawatan, telah membolehkan beliau menjalankan tanggungjawab sebagai Ketua Turus Angkatan Tentera, dengan berkesan.

Angkatan Bersenjata kita terdiri daripada tiga Bahagian, iaitu Tentera Darat, Tentera Udara dan Tentera Laut. Di dalam menunaikan tanggungjawabnya, penyelaras dan kerjasama yang erat diantara ketiga-tiganya, adalah penting. Kerjasama seperti ini juga, adalah perlu di dalam perhubungannya dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang lain. Jeneral Tan Sri Sany telah berusaha dengan giatnya untuk mengukuhkan kerjasama ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Peranan dan tanggungjawab Angkatan Bersenjata di dalam sesebuah negara yang membangun, adalah amat penting. Pembangunan negara memerlukan keadaan keselamatan yang terjamin, dan suasana politik yang stabil. Walau pun keadaan politik di negara kita adalah stabil, dan keselamatannya terkawal, tetapi perkembangan-perkembangan di peringkat antarabangsa dan serantau, boleh menimbulkan masalah kepada negara kita.

Perkembangan politik serantau masih menjadi kebimbangan kita. Itulah sebabnya kita, bersama-sama rakan-rakan kita di dalam ASEAN, berpegang tegoh kepada hasrat, dan berusaha untuk membawa kenyataan kepada konsep menjadikan rantau Asia Tenggara sebagai satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Kestabilan dan keselamatan di rantau ini, akan menjamin kejayaan usaha-usaha kita untuk membangunkan negara, dan membawa kemakmuran kepada rakyat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Usaha-usaha untuk memusatkan pembangunan negara, akan diteruskan. Di samping itu, memandang kepada pentingnya faktur-faktur keselamatan dan pertahanan negara, usaha-usaha sedang ditingkatkan untuk memperbesar dan memodenkan Angkatan Bersenjata kita, sesuai dengan kemampuan negara. Sebagai sebuah negara yang membangun, dan dengan kemampuannya yang terhad, tanggungjawab mempertahankan negara, merupakan satu bebanan yang berat bagi Angkatan Besenjara kita. Memandang kepada tanggungjawab yang berat inilah, maka rakyat haruslah bersama-sama memikul bebanan ini.

Kemampuan Angkatan Bersenjata, tidak terletak hanya kepada bilangan anggota, senjata dan alat kelengkapannya, tetapi apa yang lebih penting, ialah semangat dan disiplin anggota-anggotanya, untuk menghadapi apa-apa jua cabaran dan dalam apa-apa jua keadaan. Saya merasa bangga di atas semangat dan kemampuan Angkatan Bersenjata kita. Walau bagaimana pun, kita tidak harus berhenti daripada berusaha untuk meningkatkan lagi kemampuan ini. Saya harap, setiap anggota Angkatan Bersenjata, akan terus berusaha untuk mengekal dan meninggikan lagi taraf profesionalisma dan disiplinya, sesuai dengan peranan dan tanggungjawabnya yang penting dan berat itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Jeneral Tan Sri Ghazali bin Dato Seth, yang akan memegang jawatan Ketua Turus Angkatan Tentera nanti. Saya harap, semua anggota Angkatan Bersenjata akan terus memberi sokongan dan kerjasama penuh beliau, di dalam menunaikan tanggungjawabnya.

Akhirnya, saya hendak merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jeneral Tan Sri Sany, di atas perkhidmatan cemerlang dan sumbangan baktinya kepada Angkatan Tentera dan negara. Saya berdoa semoga beliau dan Puan Sri senantiasa berada di dalam sehat wa'afiat dan selamat sejahtera.



YAB Dato' Hussein Onn semasa berucap di Majlis Jamuan Makan Malam Perpisahan untuk Ketua Turus Angkatan Tentera, General Tan Sri Dato' Haji Mohd. Sany bin Abdul Ghafar, di Hotel Equatorial, Kuala Lumpur pada 12hb Januari, 1981.

SPEECH BY THE HONOURABLE PRIME MINISTER AT THE DINNER GIVEN IN HONOUR OF HIS EXCELLENCE MR. ZENKO SUZUKI, THE PRIME MINISTER OF JAPAN, AT PARLIAMENT HOUSE, KUALA LUMPUR ON 15TH JANUARY, 1981.

Your Excellency, Mr. Zenko Suzuki, Prime Minister of Japan, Mrs. Suzuki, Honourable Ministers, Your Excellencies and Gentlemen.

On behalf of the Government and people of Malaysia, I would like to welcome you Mr. Prime Minister and your charming wife to this country. I would also like to welcome His Excellency, Mr. Masayoshi Ito, the Foreign Minister, His Excellency Mr. Takao Kameoka the Minister of Agriculture, Forestry and Fisheries, and the other distinguished members of the delegation.

Mr Prime Minister,

Your visit to Malaysia and the other countries of ASEAN, not long after you assume office, is very significant to us. It indicates the importance you attach to the relations with ASEAN and its individual members. Malaysia is greatly honoured by your visit. It has always been the desire of my Government to strengthen further the already close and cordial relations between our two countries. Your visit fulfils that desire.

This afternoon, we had a very useful discussion. Among the matters I mentioned was that we would soon be launching the Fourth Malaysian Plan. The Plan will bring us into the second half of the twenty year perspective plan under our New Economic Policy.

Our development record has been quite good. We have been fortunate in being able to maintain a relatively high economic

growth. This has enabled us to pursue our socio-economic development objectives of eradicating poverty and restructuring society. We will have to strive harder, to ensure that the momentum of our development, will be maintained and that the targets set under the New Economic Policy are achieved.

Japan has assisted us a great deal in our development. The Yen Credit which has been extended to us since the First Malaysia Plan, has helped us in meeting the capital requirements for some of the major development projects. Various forms of Japanese technical assistance, have also been invaluable to us. I am confident that Japan will continue to assist us. Your Excellency's promise of a further Yen Credit for our Fourth Malaysia Plan, is greatly appreciated by us.

Malaysia is fortunate to be endowed with many natural resources. We want to exploit and develop these resources, to generate a higher growth of our economy. Japan, as an advanced industrial country, which depends on the inputs from countries such as ours, and on overseas markets, will certainly benefit from our growth.

Japan is Malaysia's largest trading partner. It takes about 21 percent of Malaysia's total exports. Our exports to Japan have largely been raw materials. Of our total imports, Japan accounts for about 23 percent.

The relations between Japan and Malaysia can be further strengthened by instituting a new pattern of cooperation. There should be more Japanese participation in a variety of manufacturing activities in Malaysia to provide the parent industries in Japan with processed and semi-processed goods. In this way, Malaysia could further utilise its raw materials, labour and available energy, and at the same time benefit the Japanese industries.

I am happy to know that Japan shows a keen interest in our agricultural development efforts. Being an agricultural country, it is our policy to enhance and broaden the productive base of this

important sector of our economy. Our development, offers numerous opportunities for investments, particularly in the agro-based industries. We would, therefore, welcome Japan's participation in the development of this sector.

An area which is of great importance to all our development efforts, is access to appropriate technology. Japan's proposal on human resources development is, therefore, most welcome.

Mr. Prime Minister.

Malaysia is deeply concerned with the political developments in some parts of the world. International peace, security and stability have been affected by unrestrained use of power politics and military force by some members of the international community.


The situation in Kampuchea affects the peace and stability in this region. We appreciate that Japan shares our concern in this matter. We hope that Japan would take an active part in helping to find an early solution to the problem.

Your Excellencies, Ladies and Gentlemen,

Before I sit down, may I request you all to rise, and join me in a toast to the continued good health of His Excellency the Prime Minister of Japan and Mrs. Suzuki.

Your Excellencies, Ladies and Gentlemen,

May I invite you to rise, and join me in a toast, to His Majesty the Emperor, the Government and the people of Japan.



YAB Dato' Hussein Onn dan Perdana Menteri Jepun, En. Zenko Suzuki di Majlis Makan Malam yang diberikan oleh Dato' Hussein Onn di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, pada 15hb Januari, 1981.

USUL DAN UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA MEMBENTANGKAN RANCANGAN MALAYSIA KE EMPAT DI DEWAN RAKYAT, KUALA LUMPUR PADA 27HB MAC, 1981.


Tuan Yang Di Pertua¹.

Saya berdiri dihadapan sidang Dewan yang mulia ini, untuk mengemukakan satu usul atas nama saya yang berbunyi:- "Bahawa Dewan ini, mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan, seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara, melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum, dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkuatkan lagi ketahanan negara; meluluskan Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara, berdasarkan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru, melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10/81; dan seterusnya menyeru semua rakyat Malaysia, dari semua lapisan, supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangannya mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai, selaras dengan objektif Rukunegara."

Tuan Yang Di Pertua,

Saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana, dengan limpah kurnia dan izinNYA, dapat saya membentangkan Rancangan Malaysia Keempat ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua rakyat, dari semua kaum dan lapisan, yang telah mendo'akan kejayaan pembedahan ke atas saya dan di atas keselamatan serta kesihatan saya.

¹ YB Tan Sri Syed Nasir bin Ismail.



YAB Dato' Hussein Onn ketika membawa usul dan berucap membentangkan Rancangan Malaysia Keempat di Dewan Rakyat, Kuala Lumpur pada 27hb Mac, 1981.

Tuan Yang Di Pertua,

Setiap detik sejarah yang kita lalui telah menambah pengalaman dan kematangan kita dalam menempa masa depan negara. Peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu peristiwa yang membawa perubahan dalam perkembangan dasar negara kita. Dasar Ekonomi Baru, yang dirumus berdasarkan pengalaman peristiwa itu, adalah bertujuan untuk membina negara Malaysia yang makmur, aman, kukuh dan bersatupadu. Dasar Ekonomi Baru telah diterima dan disokong oleh semua pihak, golongan dan lapisan. Perlaksanaannya telah berjalan dengan lancarnya di bawah Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Sebagaimana yang dapat dilihat daripada dokumen Rancangan Malaysia Keempat, yang dibentangkan dalam Dewan ini, faedah daripada perlaksanaan Dasar ini, telah dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Ini tidak boleh dinafikan, dan tidak harus diragui,

Kemajuan yang dicapai adalah hasil usaha dan titik-peluh semua pihak. Kami di dalam Kerajaan merasa bangga dengan kemajuan yang kita perolehi itu. Saya, bagi pihak Kerajaan, mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama memikul beban dan tanggungjawab yang berat, bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru setakat ini.

Tuan Yang Di Pertua,

Benarkan saya membentangkan secara ringkas, diantara kejayaan-kejayaan kita dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, ekonomi negara kita telah berkembang pada kadar 7 peratus setahun. Kadar ini telah meningkat kepada 8.6 peratus setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada \$12,308 juta dalam tahun 1970, kepada \$26,188 juta dalam tahun 1980. Pertambahan ini adalah lebih daripada dua-kali ganda, berdasarkan harga tahun 1970.

Usaha-usaha pembangunan kita, telah membawa kepada perubahan struktur ekonomi negara. Dalam bidang pekerjaan, lebihan tenaga buruh dalam tahun 1970 telah berubah kepada kedudukan kekurangan tenaga buruh di dalam lapangan-lapangan tertentu. Lebih kurang 1.7 juta pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Kadar pengangguran telah jatuh daripada 7.8 peratus dalam tahun 1970 kepada 5.3 peratus dalam tahun 1980.

Perubahan struktur ekonomi telah membawa perubahan-perubahan tertentu kepada struktur pengeluaran, pekerjaan dan ekspot. Sektor-sektor moden seperti sektor pembinaan, pembuatan, pengangkutan dan perhubungan telah berkembang dengan pesatnya. Sektor pembuatan telah berkembang pada kadar yang paling tinggi sekali dan telah mencatat pertumbuhan sebenar pada kadar 12.5 peratus setahun. Sumbangan sektor pembuatan kepada pengeluaran negara, telah meningkat daripada 13.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 20.5 peratus dalam tahun 1980. Sektor ini telah dapat mewujudkan lebih kurang 25 peratus daripada jumlah semua pekerjaan baru dalam tempoh ini. Kemajuan-kemajuan yang memuaskan juga, telah dicapai dalam perusahaan perkhidmatan, terutama sekali dalam bidang bank dan kewangan.

Kemajuan dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan adalah menggalakkan. Perlaksanaan program-program tertentu, serta perkembangan ekonomi yang pesat, dan harga yang baik bagi barang ekspot kita, telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan secara keseluruhannya daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1980. Kadar kemiskinan bagi sektor luar bandar telah jatuh daripada 59 peratus dalam tahun 1970 kepada 38 peratus dalam tahun 1980. Kadar kemiskinan bagi kawasan bandar telah turun daripada 21 peratus kepada 13 peratus.

Kemajuan yang menggalakkan, juga telah dicapai dalam usaha menyusun semula masyarakat. Pendapatan purata mutlak bagi semua kaum, telah bertambah. Pendapatan purata kaum Melayu dan bumiputera yang lain, telah menunjukkan pertambahan yang tinggi, walau pun masih dibawah kadar purata negara keseluruhan.

Penyertaan kaum Melayu dan bumiputera yang lain dalam bidang pekerjaan, khususnya di peringkat pengurusan, teknikal dan mahir, telah bertambah.

Dalam bidang pemilikan saham, milik saham individu bumiputera dan agensi amanah di dalam sektor syarikat, telah bertambah daripada 4.3 peratus dalam tahun 1971 kepada 12.4 peratus dalam tahun 1980. Dalam tempoh yang sama, milikan bukan bumiputera telah bertambah daripada 34 peratus kepada 40 peratus. Saham milikan asing telah berkurangan daripada 61.7 peratus kepada 47.5 peratus.

Dalam tempoh sepuluh tahun pertama perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, kita telah berjaya meletakkan asas-asas yang kukuh di dalam membina sebuah negara yang makmur, adil dan bersatu-padu.

Tuan Yang Di Pertua,

Perkara-perkara yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah luas. Saya akan cuma menyentuh beberapa aspek sahaja. YAB Timbalan Perdana Menteri, dalam menyokong usul Rancangan ini, akan menghuraikannya dengan cara lebih menyeluruh lagi.

Rancangan Malaysia Keempat, adalah dirangka berpandukan kepada pengalaman-pengalaman kita, dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang lalu. Kita mempunyai kemampuan dan sumber-sumber yang perlu, bagi membangunkan negara kita dengan lebih pesat lagi. Untuk mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi kita, semua sumber-sumber yang terdapat di negara ini, mestilah digunakan dengan penuh kecekapan dan dengan cara yang effisyen. Rancangan Malaysia Keempat menekankan aspek ini. Modal, tenaga manusia, teknoloji dan lain-lain, akan digunakan dengan lebih berkesan.

Suasana ekonomi antarabangsa, adalah salah satu perkara yang membimbangkan kita. Kadar inflasi yang tinggi, dan pertumbuhan

ekonomi yang lembab di negara-negara maju, boleh mendatangkan kesan-kesan yang tidak sihat kepada ekonomi kita. Memandangkan kepada keadaan ini, kita mestilah terus berusaha mempelbagaikan dan mengukuhkan lagi ekonomi kita, menggunakan sepenuhnya peluang-peluang pasaran luar negeri, dan meningkatkan permintaan dalam negeri bagi barang-barang keluaran tempatan.

Kemampuan kita untuk mempertahankan negara dan memelihara keselamatan, juga perlu ditingkatkan. Pembangunan sosio-ekonomi dan keselamatan negara adalah berkaitan rapat dan kedua-duanya adalah bantu-membantu. Oleh itu, adalah wajar bagi kita untuk memberi perhatian yang seimbang terhadap keperluan pertahanan dan keselamatan negara.

Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih besar daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan bagi sektor awam, yang berjumlah hampir 43 ribu juta ringgit, merupakan jumlah peruntukan yang terbesar yang pernah dibuat. Hampir 58 peratus daripada jumlah ini, akan diperbelanjakan bagi pembangunan sektor ekonomi.

Keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada pembangunan pertanian. Rancangan-rancangan dalam sektor pertanian adalah meliputi pembukaan kawasan tanah baru dan peningkatan program pembangunan pertanian secara berpadu, pembekalan pengairan, penanaman semula, pemulihan serta penyatuan kebun-kebun kecil. Program-program bagi mempelbagaikan pertanian dan tanaman sulaman akan ditingkatkan. Demikian juga program-program penyelidikan, pinjaman, perkhidmatan luar, memproses dan pemasaran, akan diperluaskan.

Program-program bagi penyusunan semula masyarakat diberi peruntukan berjumlah \$4,398 juta. Usaha-usaha bagi menambah penyertaan bumiputera di dalam lapangan perniagaan dan perindustrian, akan ditingkatkan lagi, melalui kemudahan pinjaman, bantuan teknik dan program pembangunan usahawan.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti rangkaian lebohraya, pembinaan jalan-jalan baru di kawasan-kawasan

pembangunan, perkhidmatan keretapi, pelabuhan, lapangan-terbang dan talikom, akan diperbesar dan dimodenkan. Beberapa projek bekalan tenaga letrik menggunakan kuasa haidero dan thermal akan dilaksanakan.

Rancangan Malaysia Keempat merupakan permulaan di dalam pembangunan industri-industri berat di dalam program pembangunan perusahaan negara kita. Dalam usaha ini, sebuah perbadanan industri berat (Heavy Industries Corporation) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan telah ditubuhkan. Disamping itu, bagi menjamin pembangunan perindustrian yang lebih pesat, perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana, yang akan menampung perusahaan berat akan digalakkan.

Dalam bidang perkhidmatan, sosial, kemudahan pelajaran dan latihan akan diperluas dan ditingkatkan lagi, untuk menampung pertambahan kemasukan, terutamanya di peringkat menengah, lepasan menengah dan peringkat tinggi. Ini juga adalah untuk memenuhi permintaan yang bertambah, bagi tenaga pekerja dalam bidang-bidang sains, teknik dan kemahiran. Disamping itu, perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan kurang maju, kawasan yang mendapat perkhidmatan yang kurang, dan kawasan-kawasan yang belum menerima perkhidmatan, akan ditingkatkan lagi.

Mutu kehidupan masyarakat di bandar dan luarbandar akan diperbaiki lagi. Kerajaan akan melaksanakan program-program perumahan kos rendah bagi keperluan kumpulan pendapatan rendah.

Pertahanan dan keselamatan dalam negeri, telah diberi keutamaan yang lebih, dengan mendapat peruntukan \$9,371.5 juta atau 23.8 peratus daripada jumlah peruntukan. Jumlah ini adalah lebih besar daripada peruntukan yang pernah dibuat di dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lalu.

Jumlah keseluruhan pelaburan yang diperlukan bagi Rancangan ini ialah \$102,639 juta. 72 peratus daripada jumlah ini adalah

diharapkan daripada sektor swasta. Ini berbanding dengan 63 peratus bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Peranan sektor swasta yang besar ini, menunjukkan kepercayaan Kerajaan kepada kemampuan sektor ini, untuk membuat sumbangan di dalam pembangunan negara. Adalah menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan supaya sektor swasta, pengusaha tempatan dan asing, sama-sama memikul bebanan dan tanggungjawab bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi negara.

Matlamat pelaburan bagi sektor swasta, walau pun tinggi, adalah wajar memandang kepada peluang-peluang yang akan terbuka dengan banyaknya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Di antaranya ialah peluang-peluang pelaburan di dalam sektor pembinaan dan pembuatan dan dalam memajukan sumber-sumber minyak dan gas asli.

Tuan Yang Di Pertua,

Dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat, kita akan maju setapak lagi dalam usaha-usaha kita untuk meningkatkan kemakmuran dan mengukuhkan perpaduan negara. Segala usaha kita, saya tegaskan, ialah untuk menempa masa depan yang cerah dan cemerlang bagi negara dan rakyat Malaysia. Kita meletakkan perpaduan negara dan kepentingan negara di atas kepentingan-kepentingan yang lain.

Kita seharusnya bersyukur di atas segala limpah kurnia dan rahmat Allah Subnanahu Wata'ala yang tidak putus-putus kepada negara dan kita semua. Dengan keinsafan inilah juga, hendaknya kita semua memberi dan menumpukan khidmat dan sumbangan kita demi kepentingan negara dan masa depan kita. Susah-payah, titik-peluh dan pengorbanan kita, tidak boleh diukur hanya dengan faedah kepada kita, jenerasi sekarang sahaja. Yang lebih penting ialah, sumbangan dan warisan yang tinggalkan untuk jenerasi akan datang.

Kestabilan negara adalah faktor utama yang memberi sumbangan terhadap prestasi kita yang baik setakat ini. Sikap haloba dan keterlaluan oleh mana-mana pihak, tanpa memberi perkiraan kepada bahaya akibat daripada sifat-sifat ini, boleh menjejas dan menghancurkan kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati.

Konsep pembangunan kita adalah pembangunan sepadu. Pembangunan jasmani dan rohani pada hakikatnya adalah satu; kedua-keduanya sama pentingnya. Malahan pembangunan rohanilah sebenarnya yang menjadi daya penggerak dan memberi makna kepada keseluruhan pembangunan. Oleh kerana pembangunan rohani merupakan aspek yang lebih ‘abstract’, usaha-usaha kita telah dianggap oleh setengah-setengah pihak, seolah-olah usaha-usaha kearah pembangunan kebendaan sahaja. Anggapan ini adalah tidak tepat. Segala usaha kita, Rancangan Malaysia Keempat dan lain-lain usaha, adalah berasaskan konsep kesepaduan yang saya sebutkan itu.

Tiap-tiap rakyat Malaysia hendaklah bersama-sama mengisi hasrat ke arah pembangunan kita. Melalui kerjasama dan sumbangan yang positif, rakyat bukan sahaja menunaikan peranan dan tanggunajawab kepada negara, malahan kepada diri mereka sendiri. Rancangan Malaysia Keempat adalah rancangan ke arah kemakmuran, perpaduan dan kesejahteraan. Ia adalah rancangan pembangunan untuk semua.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mohon mencadangkan.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI KETIKA MELANCARKAN SEKIM AMANAH SAHAM NASIONAL DI DEWAN TUNKU ABDUL RAHMAN, KUALA LUMPUR PADA 20HB APRIL, 1981.

YAB Dato' Seri (Dr.) Mahathir Mohamad, Yang Amat Berbahagia Tun Ismail Ali¹, YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, YAB Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Pada 9hb. Januari yang lalu, saya telah mengumumkan rancangan bagi memindah-milik saham sektor syarikat yang dipegang oleh Kerajaan kepada Bumiputera. Berikut dengan pengumuman itu berbagai persediaan telah dibuat bagi membolehkan Sekim Amanah Saham Nasional dilancarkan dalam bulan April. Pelaksanaan Sekim Amanah Saham Nasional pada hari ini, membawa kita setapak lagi ke hadapan, dalam usaha-usaha untuk memenuhi hasrat, dan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Majlis pada hari ini, mengingatkan kita kepada Konggres Ekonomi Bumiputera yang pertama, dalam tahun 1965, yang berlangsung di Dewan ini. Suara bumiputera, dengan hasrat dan dengan penuh semangat untuk menebus kemundurannya, bergema sekali lagi dalam Konggres Ekonomi Bumiputera 1968. Resolusi-resolusi kedua-dua Konggres ini, telah meletakkan asas-asas dasar yang penting, ke arah usaha-usaha untuk meningkatkan kemampuan dan kedudukan kaum bumiputera di dalam bidang ekonomi.

Selain daripada faktor-faktor sejarah, sosial, ekonomi dan politik negara, masalah ekonomi bumiputera telah diberi perhatian yang teliti oleh Kerajaan, ketika menggubal Dasar Ekonomi Baru dalam tahun 1970. Salah satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru, iaitu pemilikan saham sektor syarikat oleh bumiputera, sekurang-kurangnya 30 peratus, menjelang tahun 1990, adalah

¹ Pengurus Amanah Saham Nasional

dengan tujuan untuk mengimbangkan kedudukan sosio-ekonomi bumiputera dengan bukan bumiputera.

Tindakan-tindakan tegas telah diambil oleh Kerajaan, untuk menjamin pencapaian matlamat milikan saham ini. Berbagai-bagai agensi dan syarikat kerajaan, telah ditubuhkan. Penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputera dan badan-badan di bawahnya merupakan langkah-langkah utama di dalam menyediakan pelaksanaan Sekim Amanah Saham Nasional. Adalah menjadi harapan Kerajaan, bahawa Sekim ini akan menjadi alat yang terpenting, bagi menjamin sekurang-kurangnya 30 peratus saham sektor syarikat, dimiliki oleh bumiputera menjelang tahun 1990.

Kerajaan, dengan teliti dan bersungguh-sungguh, telah menyediakan Sekim Amanah Saham Nasional ini bagi menunaikan janjinya ketika melancarkan Dasar Ekonomi Baru. Sekarang tibalah masanya bagi bumiputera membuktikan kesungguhan mereka, terhadap apa yang diminta dan dihajatinya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekim Amanah Saham Nasional ini, hendaklah dilihat dalam konteks Dasar Ekonomi Baru. Dasar Ekonomi Baru telah dirumus dengan teliti sebagai satu langkah, untuk mengatasi masalah-masalah sosio-ekonomi dan politik masyarakat berbilang kaum di negara kita. Ia adalah dasar yang pragmatis, dan telah diterima oleh semua pihak untuk menjamin masa depan negara.

Ketika menggubal Dasar Ekonomi Baru, kita yakin, dengan suatu suasana dan masyarakat akan datang, yang akan wujud dengan pelaksanaanya. Ia adalah masa depan yang lebih baik yang menjamin semua pihak. Dengan langkah-langkah yang kita ambil, serta sokongan dan penglibatan semua pihak, asas perpaduan yang lebih kukuh di kalangan masyarakat majmuk di negara kita, akan wujud. Kedudukan ekonomi kaum bumiputera akan menjadi lebih baik, hampir setanding dengan kedudukan bukan-bumiputera. Dengan perkembangan ekonomi yang pesat, bukan-bumiputera akan menikmati peluang-peluang pelaburan dan pembangunan yang terbuka dengan luasnya. Kedudukan sosio-ekonomi semua

kaum dan mutu kehidupan rakyat keseluruhannya, akan meningkat kepada satu tahap yang lebih baik, melalui berbagai-bagai program pembasmian kemiskinan dan kemudahan-kemudahan sosial dan infrastruktur. Ini adalah satu keadaan di mana tiap-tiap kaum mempunyai bahagian dan pertaruhan yang penting, di dalam ekonomi dan politik negara.

Masyarakat yang wujud ketika itu, ialah satu masyarakat yang lebih adil, dengan teras-teras perpaduan dan ketahanan yang kukuh, untuk membawa negara kita kepada satu zaman baru yang lebih cemerlang lagi. Ini akan kita tinggalkan sebagai warisan kepada anak-anak kita yang mewakili generasi yang akan datang. Kita tidak boleh gagal dalam tugas yang berat dan penting ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Adalah penting bahawa pandangan dan gambaran mengenai suasana dan masyarakat masa depan, yang akan wujud ini, menjadi panduan kepada segala tindakan kita. Ia harus meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan kita, terhadap langkah-langkah yang kita ambil. Dengan keyakinan ini, kita dapat memelihara diri kita daripada dipengaruhi oleh dakyah-dakyah pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang bertujuan untuk melumpuh dan menghalang kejayaan Sekim ini. Apa-apa usaha untuk menghalang kejayaan Sekim ini, hanyalah merupakan tindakan untuk menyekat kemajuan bumiputera dan menggugat Dasar Ekonomi Baru.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekim Amanah Saham Nasional ini telah dirancang dengan teliti. Semua aspek-aspek penting telah diambil kira. Dari segi ekonomi, ia adalah tindakan konkret yang selaras dengan matlamat untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi antara kaum. Dari segi sosial, ia adalah satu alat untuk menyusun semula masyarakat dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat. Dari segi politik, ia adalah bertujuan untuk mewujudkan kestabilan, dan meletakkan asas-asas keadilan dan perpaduan yang kukuh. Dari segi ugama, perhatian telah diberi supaya ianya tidak bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Kita akan menentukan kejayaan pelaksanaannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekim ini adalah berteraskan kepentingan negara dan untuk pencapaian matlamat negara. Tidak sesiapa pun yang harus merasa ragu dengan tujuan baik Sekim ini, lebih-lebih lagi bumi-putera sendiri.

Dengan penuh ikhlas dan rasa tanggungjawab, saya menyeru rakyat bumiputera untuk menyertai Sekim ini, dengan tujuan memperbaiki kedudukan ekonomi mereka keseluruhannya. Hasrat bumiputera ialah untuk menebus kelemahan kedudukan ekonomi mereka. Inilah peluang untuk menebus kelemahan itu. Insya Allah, kita akan berjaya.



YAB Dato' Hussein Onn sedang menyerahkan wang kepada Pengurus A.S.N. Tun Ismail Ali, untuk memulakan pelaburan, sebelum menandatangani Buku Pelaburan A.S.N. Bil. 00001, di upacara pelancaran Sekim Amanah Nasional, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur pada 20hb April 1981.

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DI
MUKTAMAR PARTI BERJASA, DI HOTEL
PERDANA, KOTA BAHRU, KELANTAN PADA
24HB APRIL, 1981.**

(Ucapan ini disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri,
Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad)

Bismillahir-rahmaa-nirrahim. Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wa'barakatuh. Y.B. Datuk Haji Mohamed bin Nasir, Yang Di-Pertua Agung BERJASA, Ketua-ketua dan Wakil-wakil Parti Komponen Barisan Nasional, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Kehadiran saya di Muktamar ini adalah bagi pihak YAB Perdana Menteri, Dato' Hussein Onn, yang tidak dapat bersama tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini kerana beliau perlu mendapat rehat yang cukup dalam masa sebulan dua ini. Walau bagaimanapun, beliau telah menyediakan satu ucapan bagi Muktamar ini. Inilah saya bacakan teks ucapan beliau.

"Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Barisan Jamaah Islamiah Se Malaysia, BERJASA, terutamanya Datuk Mohamed Nasir, Yang Di Pertua Agungnya kerana menjemput saya untuk menghadiri Muktamar ini. Saya sentiasa memberi perhatian kepada majlis-majlis anjuran parti komponen Barisan Nasional. Tetapi, dengan nasihat doktor supaya saya banyak berehat, saya meminta maaf dan menyampaikan rasa dukacita saya kerana tidak dapat hadir di majlis yang penting ini.

Saya yakin Muktamar ini akan mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan dan dapat memperkuatkan lagi landasan perjuangan Parti selaras dengan matlamat dan perjuangan Barisan Nasional di samping menjalin silatur-rahim di kalangan anggota-anggota Parti.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekelian,

Matlamat-matlamat asas perjuangan Barisan Nasional ialah perpaduan, kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan. Ia adalah jaminan bagi masa depan negara kita. Matlamat-matlamat ini adalah hasrat suci dan juga amanah yang tidak boleh tidak mesti kita laksanakan. Pentingnya matlamat-matlamat ini harus disedari dengan penuh tanggungjawab oleh semua pihak, lebih-lebih lagi setiap parti politik.

Dalam memperjuangkan matlamat-matlamat yang saya sebutkan itu, pergeseran terbuka dan sentimen melulu yang tidak terkawal, atau pun sikap membantah hanya sekadar membantah sahaja, boleh merosakkan pemikiran rakyat. Perasaan syak wasangka oleh mana-mana pihak terhadap kejujuran Kerajaan dalam usaha-usaha ke arah matlamat-matlamat ini akan hanya menjadi usur-usur yang menjelas, membantut dan menghancurkan kestabilan dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat dan negara. Dengan hakikat dan kesedaran inilah Barisan Nasional telah diwujudkan. Melalui Barisan Nasional parti-parti komponen dapat bekerjasama secara positif dan boleh membuat sumbangansumbangan membina melalui saluran-saluran tertentu ke arah pencapaian matlamat-matlamat negara. Dengan cara ini kita dapat mengurangkan kebimbangan rakyat dan golongan-golongan tertentu. Dengan politik yang matang dan bertanggungjawab melalui Barisan Nasional kita dapat menumpukan sepenuh perhatian, tanpa membuang tenaga dan melengah-lengahkan masa, bagi meneraju dan mentadbir negara.

Di bawah Kerajaan Barisan Nasional kita telah dapat membangunkan negara dengan pesatnya. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat telah memberi faedah kepada keseluruhan rakyat. Kedudukan negeri-negeri yang kurang maju telah menjadi bertambah baik. Kedudukan ekonomi dan kewangan kita adalah kukuh. Di peringkat antarabangsa pula, kita telah dapat meningkatkan lagi kerjasama dan pembangunan serantau melalui ASEAN dan mengeratkan hubungan dan kerjasama di kalangan negara-negara Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekelian,

Kejayaan kita di dalam berbagai lapangan dan kekuatan Barisan Nasional tidak harus menimbulkan perasaan puas hati di kalangan kita semua. Kejayaan dan kekuatan ini, walau pun merupakan asas yang kukuh untuk membawa kejayaan yang lebih lagi, juga menjadi tumpuan kritik pihak-pihak tertentu. Setengah-setengah pihak telah menggunakan slogan seperti 'kapitalisma', 'sosialisma', 'tidak Islam', 'tidak demokratik', dan lain-lain lagi untuk menimbulkan keraguan dan kebimbangan rakyat. Ini adalah merbahaya, terutamanya apabila kritik-kritik yang tidak tepat yang dibuat tanpa perhitungan atau pengertian ini mempengaruhi pula badan-badan bukan politik dan pertimbangan rakyat.

Ada pihak yang mencari pengaruh dengan menggunakan isu dan sentimen perkauman yang tidak terbatas. Ada yang menggunakan ugama. Ada pula yang mengeksplorasikan badan-badan atau pihak-pihak yang boleh dijadikan alat bagi memenuhi cita-cita mereka untuk mengkritik apa-apa jua usaha dan kejayaan Kerajaan.

Mereka yang insaf tentang kepentingan negara dan mempunyai sikap tanggungjawab untuk memelihara sistem pemerintahan dan menjamin masa depan negara yang cemerlang harus sedar bahawa mereka mempunyai berbagai saluran membuat sumbangan positif dan membina.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian,

Sebagai parti komponen Barisan Nasional, BERJASA, bersama-sama dengan parti komponen yang lain dalam Barisan Nasional, mempunyai peranan yang penting. Peranan ini ialah untuk berjuang ke arah matlamat perpaduan, kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan. Perjuangan kita bukanlah sekadar menentukan siapa yang harus mendapat kerusi atau memegang jawatan. Yang penting ialah memikul amanah. Jawatan hanya merupakan alat bagi menunaikan amanah.

Cabarannya yang kita hadapi dalam bidang politik, ekonomi, sosial dan lain-lain adalah besar dan akan menjadi semakin rumit dari

masa ke semasa. Semakin hampir kita kepada tahun 1990 semakin banyak perubahan yang akan dirasai oleh rakyat dan semua pihak. Perubahan-perubahan dalam bidang ekonomi dan sosial akan memberi kesan kepada suasana politik negara. Suasana yang dinamis ini memerlukan ketabahan rakyat dan kepimpinan yang mahir dan berkemampuan. Oleh sebab itu, dalam perjuangannya, setiap parti komponen Barisan Nasional hendaklah memupuk kelahiran pemimpin-pemimpin yang berkaliber dari segi dedikasi, kejujuran, kemampuan, pengetahuan dan juga kelayakan. Pemimpin-pemimpin adalah mereka yang memikul amanah yang besar dan semestinya mempunyai kaliber. Tanpa pemimpin yang berkaliber parti akan menjadi lemah dan dapat diperalatkan oleh golongan-golongan yang mempunyai kepentingan yang sempit atau menyeleweng. Justru itu Kerajaan juga boleh menjadi lemah. Seterusnya ini akan menjadikan kemampuan kita untuk menghadapi cabaran-cabaran yang saya sebutkan itu dengan tegas dan berani. Kelemahan Barisan Nasional tidak harus berlaku. Bagi kita politik adalah tanggungjawab yang berat dan bukannya permainan.

Saya harap kita dapat meningkatkan kematangan politik serta kaliber kepimpinan di semua lapisan dalam setiap parti komponen Barisan Nasional. Nilai berpolitik yang matang ini mestilah menjadi alat dan teras penghubung parti-parti komponen Barisan Nasional.

BERJASA, bersama-sama dengan UMNO, mempunyai tanggungjawab yang penting bagi memperkuuh dan mengekalkan perpaduan masyarakat Melayu dan umat Islam di negara ini. Ini adalah panduan perjuangan politik kita. Ke arah matlamat ini kita mestilah memupuk semangat perpaduan dan membentras bibit-bibit yang tidak sihat yang boleh membawa kerenggangan dan perpecahan. Matlamat perpaduan, kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan yang saya sebutkan mula-mula tadi adalah teras-teras perpaduan masyarakat Melayu, umat Islam dan rakyat keseluruhannya.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekelian,

Rancangan Malaysia Keempat baharu sahaja dilancarkan. Ketika saya melancarkan Rancangan tersebut di Parlimen saya

telah menegaskan bahawa konsep pembangunan kita adalah pembangunan sepadu yang mementingkan perseimbangan pembangunan, kebendaan dan kerohanian. Perpaduan, kemakmuran, keadilan dan kesejahteraan akan hanya dirasai dengan nyata dan bermakna dengan nilai-nilai rohani. Pembangunan kebendaan semata-mata boleh menjadikan seseorang hilang pegangan hidup dan hidupnya menjadi kosong. Pembangunan kebendaan dan rohani adalah unsur kekuatan yang tidak kurang pentingnya antara satu dengan yang lain.

Melalui Rancangan Malaysia Keempat berbagai program dan projek pembangunan akan dilaksanakan. Peruntukan yang lebih besar bagi Rancangan Malaysia Keempat akan membuka peluang yang lebih luas lagi kepada keseluruhan rakyat dalam pembangunan. Tumpuan yang diberi kepada negeri-negeri yang kurang maju memerlukan penglibatan yang lebih lagi daripada rakyat negeri-negeri ini. BERJASA, melalui ahli-ahlinya, hendaklah sama-sama mendorong rakyat untuk mengambil peluang daripada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan. Rakyat mestilah sedar bahawa segala daya usaha Kerajaan adalah untuk faedah mereka. Sekim Amanah Saham Nasional yang dilancarkan beberapa hari yang lepas hendaklah disertai oleh rakyat dengan penuh tanggung-jawab. Sekim ini adalah salah satu cara untuk menjamin pencapaian matlamat penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan. Rakyat tidak harus mendengar hasutan-hasutan dan kritik-kritik yang dipelopori oleh pihak-pihak tertentu yang tidak bertanggungjawab supaya rakyat tidak menyertai Sekim ini. Hasutan dan kritik-kritik ini hanyalah semata-mata permainan politik tokoh-tokoh yang tidak bertanggungjawab. Mereka hanya ingin menjadikan kesangsian rakyat sebagai tangga untuk mencari pengaruh.

Negeri Kelantan sebagai sebuah negeri yang kurang maju akan mengalami pembangunan yang pesat di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Peruntukan yang besar bagi negeri ini, sebagaimana juga negeri-negeri kurang maju yang lain, adalah dengan tujuan untuk meningkatkan lagi faedah pembangunan kepada rakyat. Kerajaan Barisan Nasional sedar bahawa rakyat Negeri Kelantan terdiri daripada mereka yang gigih berusaha dan dapat membuat sumbangan yang besar kepada pembangunan negeri khususnya dan negara amnya. Saya yakin, rakyat negeri Kelantan

dan rakyat lain-lain negeri yang kurang maju akan mengambil daya usaha untuk sama-sama membangunkan negara.

PAS, sebagaimana yang kita tahu, telah gagal membawa pembangunan di negeri Kelantan. Setelah lumpuh di Kelantan PAS telah berusaha mencari pengaruhnya di lain-lain tempat, khususnya di Negeri Kedah. BERJASA bersama-sama dengan parti komponen Barisan Nasional yang lain, mempunyai peranan bagi membentekas pihak-pihak yang ingin mencari kuasa dengan menyalahgunakan ugama.

Tujuan kita bukanlah untuk memecahkan perpaduan Islam. Tujuan kita ialah untuk menyelamatkan umat Islam dan kesucian Islam daripada diperalatkan sebagai bola politik yang hanya akan merugikan umat Islam, menodai Islam sendiri dan seterusnya menjadikan pembangunan dan merosakkan negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan Sekelian,

Muktamar ini akan membolehkan Parti BERJASA untuk meninjau cabaran-cabaran semasa dan akan datang. Saya penuh yakin bahawa dengan dasar dan perjuangan yang pragmatis, BERJASA dapat menggembeling tenaga sebagai rakan yang berpotensi di dalam Barisan Nasional. Namun begitu, bergantunglah kepada BERJASA sendiri untuk meningkatkan kemampuannya.

Akhir kata, dengan segala sukacitanya saya merasmikan Muktamar ini dan sama-sama berdoa di atas kejayaannya.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.”

SPEECH BY THE HONOURABLE THE PRIME MINISTER AT THE LAUNCHING OF THE ASEAN BINTULU FERTILIZER SDN. BHD. AT THE KUALA LUMPUR REGENT ON 25TH APRIL, 1981

Yang Berbahagia Tan Sri Abdullah Mohd. Salleh, Penggerusi ASEAN Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., merangkap Penggerusi PETRONAS; YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri; Tuan-Tuan Yang Terutama; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Penggerusi dan Lembaga Pengarah Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. yang telah menjemput saya untuk merasmikan pelancaran Syarikatnya pada malam ini. Majlis ini bukan sahaja menandakan satu lagi kemajuan konkret ASEAN di dalam usaha kerjasama perindustrian serantau, tetapi juga kemajuan Malaysia di dalam usaha menerokai lapangan industri berat selaras dengan penekanan dan strategi perindustrian kita. Pada malam ini, kita berkumpul di majlis pelancaran Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. sebagai hasil keyakinan dan usaha semua pihak, ke arah kerjasama ekonomi yang lebih bermakna.

Ladies and Gentlemen,

It gives me great pleasure to be invited to launch the Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd., the Company which will implement Malaysia's ASEAN Urea Project. The launching of this project is another major step forward, not only in ASEAN industrial development, but more important, in meeting ASEAN's overall objectives.

Although this project is the first of its kind in Malaysia, it is the second for ASEAN. The first, the Indonesian Asean Urea Project, was launched in April, 1979. Both project symbolise, in concrete form, ASEAN's firm commitment to economic cooperation.

Ladies and Gentlemen,

We, in ASEAN, firmly believe in regional cooperation. We believe that it is a means of achieving greater prosperity and stability for our region. It is with this belief that we have nurtured ASEAN. We have laid a strong foundations and framework of cooperation in various fields. We have taken common stand on many issues, be it politics, economics or social.

Looking at our success so far, we are confident that with determination and commitment, we will achieve our aims. Today, we see not only cooperation among the leaders and officials, but also cooperation at the non-governmental level, through professional and private bodies and groupings. Our cooperative efforts are gathering momentum. We are seeing new projects being implemented and common activities widening.

Ladies and Gentlemen,

Today we see a world divided not only ideologically and politically, but also economically and socially. Politically, we witness instability and frictions in various parts of the world. Economically, we witness the struggle of developing countries for an equitable share in the international economic system. Protectionism, trade barriers and the inequitable terms of trade are hindering the emergence of a new international economic order.

Under the circumstances, I am more than ever convinced that it is desirable for the developing countries to work together in the framework of regional cooperation. For us, we have ASEAN. The member countries of ASEAN share a community of interests and basic ideals. We must continue to explore areas of cooperation for our mutual benefits and well-being. We must make ASEAN a success.

Ladies and Gentlemen,

ASEAN, as a whole, is a heavily populated region with a high rate of population growth. It is basically an agricultural region.

Increased productivity of the agricultural sector will no doubt contribute to increasing the income and well-being of ASEAN's farming community. The development of the agricultural sector will help ASEAN in meeting the food requirements of its growing population. It is in this context that the ASEAN Urea projects are of great importance to the socio-economic development of the region and its people.

Japan has played an important role in the development of ASEAN industrial projects. The concrete support given by Japan to ASEAN industrial programme is a positive and far-sighted gesture ASEAN industrial programme opens a new avenue for the participation of the industrialised nations in ASEAN industrial development. Such collaboration will be mutually beneficial.

Ladies and Gentlemen,

The Asean Bintulu Fertilizer project is of special significance to Malaysia. As I have said when launching the Fourth Malaysia Plan, we must strive to optimise the utilisation of our scarce natural resources. We must use these scarce resources with prudence and care to ensure greater benefits to the country and our people.

Petroleum and gas are two of such resources. It is our policy to promote the development of resource-based industries so as to maximize the returns to our economy. We have a programme to process the petroleum and gas resources internally. The Asean Bintulu Fertilizer project is an important aspect of this programme.

I understand that the main contract for the setting up of the fertilizer plant will be awarded by January 1982. The plant is expected to begin operation by 1985. When in full production the plant is expected to produce about 1,000 metric tonnes of ammonia and 1,500 metric tonnes of urea per day. It is hoped that the plant, together with its Indonesian counterpart, will provide sufficient nitrogenous fertilizers to meet ASEAN's requirements.

I would like to take this opportunity to congratulate PETRONAS

and its partners, namely;

- (a) The Ministry of Finance, Republic of Indonesia;
- (b) The Ministry of Finance, Thailand;
- (c) The National Development Corporation of the Philippines;
and
- (d) Temasek Holdings, Singapore.

for their efforts in making the establishment of the Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd. a reality.

Ladies and Gentlemen,

I now have great pleasure in launching the Asean Bintulu Fertilizer Sdn. Bhd.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DI MAJLIS PERASMIAN EXPOSISI LATIHAN PERINDUSTRIAN, DI CHANGKAT PAVILION PADA 2HB MEI, 1981

YB Dato' Richard Ho, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Tuan-tuan Yang Terutama, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada YB Dato' Richard Ho, dan juga Jawatankuasa Penganjur Exposisi Latihan Perindustrian, yang telah menjemput saya untuk merasmikan pembukaan Exposisi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, kepada semua pihak yang telah berusaha untuk mengadakan Exposisi ini, iaitu yang pertama kali diadakan.

Exposisi ini merupakan satu acara penting yang kena pada masanya. Kerajaan baru sahaja melancarkan Rancangan Malaysia Keempat. Salah satu penekanan di dalam Rancangan itu, ialah peningkatan daya pengeluaran di dalam semua bidang. Tujuan Exposisi, iaitu untuk memperluas dan meningkatkan kesedaran rakyat terhadap kepentingan latihan perindustrian, dan untuk menggalakkan penglibatan tenaga pekerja di dalam bidang pekerjaan mahir, adalah sesuai dengan penekanan di dalam rancangan pembangunan kita. Exposisi ini, juga akan dapat meningkatkan pengetahuan pelabur-pelabur, khususnya pelabur-pelabur asing, mengenai program dan kemudahan latihan kemahiran di negara kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Tenaga manusia, terutamanya tenaga pekerja mahir dan terlatih, merupakan sumber penting bagi pembangunan. Tenaga pekerja mahir dan terlatih ini, menjadi lebih-lebih lagi penting, di dalam suasana pembangunan dan perubahan yang pesat, seperti yang dialami oleh negara kita.

Struktur ekonomi, pengeluaran dan pekerjaan di negara kita, telah berubah dengan nyata sekali dalam dekad tujuh-puluhan. Sektor-sektor moden seperti pembinaan, pembuatan, pengangkutan dan perhubungan, telah berkembang dengan pesatnya. Sektor pembuatan telah mengalami kadar pertumbuhan yang tertinggi, iaitu 12.5 peratus setahun mengikut nilai sebenar. Sumbangan sektor pembuatan kepada Pengeluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada 13.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 20.5 peratus dalam tahun 1980. Sektor ini telah berjaya mewujudkan hampir 25 peratus daripada semua jumlah pekerjaan di dalam tempoh ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kita sekarang memasuki tempoh sepuluh tahun kedua, rancangan jangka panjang (Overall Perspective Plan) di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dekad lapan-puluhan merupakan satu tempoh yang penting. Dekad ini akan membawa perubahan-perubahan yang lebih besar lagi, berbanding dengan apa yang dialami dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Kerajaan akan meningkatkan usaha untuk menggalakkan penubuhan industri-industri kecil dan sederhana, di samping memberi galakan kepada penubuhan industri-industri berasaskan pertanian dan sumber asli. Kerajaan juga akan memberi keutamaan kepada industri-industri berat, sebagaimana yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Usaha-usaha juga akan ditingkatkan untuk memoden dan menambahkan daya pengeluaran sektor pertanian. Sektor pertanian akan terus menjadi sektor yang penting dari segi pengeluaran dan daya pengeluaran. Walau bagaimana pun, segala usaha kita ini, merupakan asas yang akan mengubah negara kita daripada sebuah negara yang bergantung kepada pertanian dan ekspot sumber-sumber pertanian dan asli, kepada sebuah negara perindustrian.

Keadaan ini akan membawa perubahan kepada corak gunatenaga yang diperlukan. Di bawah Rancangan Malaysia Keempat, adalah dijangkakan gunatenaga dalam sektor pertanian akan berkembang pada kadar 0.7 peratus setahun. Ini berbanding dengan 5.9 peratus setahun bagi sektor pembuatan dalam tempoh yang sama. Oleh itu, secara amnya peluang-peluang pekerjaan adalah tertumpu kepada

sektor-sektor moden. Sebahagian besar daripada tenaga pekerja yang diperlukan, ialah pekerja-pekerja mahir, teknikal dan terlatih.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Latihan perindustrian hendaklah dilihat di dalam suasana perubahan yang akan berlaku. Usaha-usaha bagi membekal dan meningkatkan kemahiran dan latihan-latihan asas bagi keperluan semua sektor, mestilah dibuat secara sepadu atau "integrated". Saya menggesa semua agensi-agensi dan pihak-pihak yang terlibat di dalam latihan perindustrian, supaya meningkatkan usaha-usaha mereka, untuk membawa kenyataan kepada kesepaduan di peringkat perancangan dan pelaksanaan program ini. Dengan cara ini, usaha-usaha kita akan mendatangkan faedah maksima untuk memenuhi keperluan negara.

Pada hemat saya, dalam rancangan usaha-usaha membekal tenaga mahir dan meringkat kemahiran, beberapa perkara perlu diberi perhatian. Pertama, kemudahan latihan asas mestilah diperluas bagi membolehkan seramai-ramai tenaga pekerja mendapat latihan ini. Kemudahan latihan tidak semestinya bergantung kepada institusi-institusi besar dan indah. Cara-cara baru dan berkesan mestilah digunakan, untuk memperluas kemudahan latihan asas ini, keseluruh pelusuk negara, bagi memenuhi kehendak-kehendak setempat dan bidang-bidang tertentu.

Kedua, usaha-usaha yang tertentu hendaklah diambil bagi menjamin bekalan jurulatih yang mahir dengan cukupnya. Dalam hal ini, cara-cara konvensional, yang mementingkan kelayakan akademik sebagai teras kemahiran, hendaklah diubahsuai kepada mementingkan pengalaman dan kemahiran, di samping memberi pertimbangan kepada kelayakan. Perhatian hendaklah diberi untuk menjamin kedudukan yang sewajarnya bagi jurulatih-jurulatih, selaras dengan kepentingan kemahiran di dalam pembangunan negara.

Ketiga, penyediaan bahan rujukan dan bacaan yang mudah serta ringkas dalam Bahasa Malaysia, mengenai tiap-tiap bidang

kemahiran, hendaklah diberi keutamaan. Ini, di samping menjadi asas latihan, dan meningkatkan minat bakal pekerja terhadap sesuatu bidang kemahiran, akan juga menjadi bahan yang penting kepada masyarakat umum.

Keempat, usaha-usaha yang lebih lagi hendaklah dibuat, bagi membolehkan agensi Kerajaan serta projek Kerajaan, menjadi alat untuk memperluaskan kemudahan latihan kemahiran.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,


Peranan dan tanggungjawab bagi mewujudkan para-pekerja mahir dan terlatih, tidak terhad kepada Kerajaan semata-mata. Selaras dengan peranan sektor swasta yang besar di dalam pembangunan negara, sektor swasta mestilah memberi keutamaan kepada latihan sebagai satu tanggungjawab. Bekalan tenaga mahir yang mencukupi, akan membolehkan semua pihak untuk mendapat tenaga pekerja yang sebaik-sebaiknya bagi keperluan mereka. Saya menggesa sektor swasta, untuk berganding bahu di dalam meningkatkan mutu sumber tenaga mahir, demi kepentingan kita bersama dan masa depan negara.

Masa depan bagi pekerja mahir adalah cerah dan terjamin. Saya menyeru belia-belia dan bakal-bakal pekerja kita, untuk mengubahsuai sikap mereka. Mereka hendaklah mengambil kesempatan daripada perubahan-perubahan yang akan berlaku, yang memerlukan tenaga mahir dengan banyaknya.

Saya difahamkan bahawa sempena dengan Exposisi ini, satu Seminar akan diadakan. Seminar ini, harus melihat latihan perindustrian sebagai satu cabaran, yang memerlukan tindakan-tindakan tegas dan berkesan. Saya harap peserta-peserta Seminar akan mengambil segala daya-usaha, bagi meletakkan program latihan perindustrian sebagai tanggungjawab bersama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dengan segala sukacitanya, saya merasmikan Exposisi ini.



YAB Dato' Hussein Onn, ketika berucap di Majlis Perasmian Exposisi Latihan Perindustrian di Changkat Pavilion, Kuala Lumpur pada 2hb Mei, 1981.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN JOHOR BAHRU, DI KELAB GOLF TASEK UTARA, JOHOR BAHRU PADA 15HB MEI, 1981

YB Wakil Menteri Besar¹, Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dif-dif Kehormat, Para Perwakilan dan Pemerhati, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul sekali lagi, untuk menghadiri Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru, pada pagi ini.

Saya bersama-sama rakyat Negeri Johor merasa dukacita, di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail². Bersama-sama lah kita berdoa, semoga roh Almarhum itu dicucuri rahmat.

Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada saudara-saudara sekelian yang telah mendoakan kejayaan pembedahan dan keselamatan saya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya tidak bercadang untuk membuat ucapan yang panjang. Saya cuma akan menyentuh beberapa perkara sahaja.

Saya merasa sukacita kerana Bahagian ini mempunyai barisan pemimpin yang aktif dan berkebolehan, serta ahli-ahli yang bersefahaman dan bersatupadu. Alhamdulillah, ini di samping menjamin perjalanan Bahagian yang berkesan, telah juga meringankan beban saya di dalam menjalankan tugas-tugas sebagai Ketua Bahagian. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada sekelian pemimpin dan ahli.

¹ Datuk Haji Abdul Rahman Mahmood

² DYMM Sultan Johor.

Bahagian ini, yang memahami tanggungjawab-tanggungjawab saya, dan memberi sokongan serta kerjasama, untuk menjamin perjalanan Bahagian ini dengan berkesan. Sokongan serta kerjasama ini amat saya hargai.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kita baru sahaja menyambut hari ulangtahun ke-35 penubuhan UMNO. Sempena dengan ulangtahun penubuhan Parti yang kita kasehi ini, elok sekali kita renungi kejayaan-kejayaan serta cabaran-cabaran yang telah dihadapi oleh Parti. Faktor-faktor yang menjadi asas keutuhan dan kejayaan UMNO setakat ini, mestilah diberi perhatian penuh teliti, dan dijadikan teras panduan perjuangan kita, di dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan.

UMNO telah ditubuhkan untuk memperjuang dan melindungi kepentingan masyarakat Melayu. Perjuangan ini adalah diasaskan kepada konteks sejarah dan kemunduran sosio-ekonomi orang-orang Melayu, di dalam masyarakat berbilang kaum di negara ini. Kita haruslah meneruskan perjuangan kita, dengan penuh semangat kegigihan dan tanggungjawab. UMNO telah membuktikan kemampuannya di dalam perjuangannya. Masyarakat Melayu keseluruhannya harus sedar akan hakikat ini, dan menyokong perjuangan UMNO demi kepentingan bangsa, ugama dan negara.

Syukur Alhamdulillah, UMNO telah dapat mengekalkan kedudukannya sebagai Parti yang menjadi teras politik negara. Kita bukan sahaja mendapat sokongan masyarakat Melayu dan bumiputera, tetapi juga kaum-kaum lain di negara ini. Kejayaan ini, tidak lain dan tidak bukan, ialah hasil daripada pimpinan yang dedikasi, bertanggungjawab dan adil di semua peringkat, serta kerjasama daripada ahli-ahli UMNO. Kejayaan kita setakat ini bukanlah dicapai dengan mudah. Setiap ahli UMNO, serta setiap anggota masyarakat Melayu, harus sedar dengan hakikat ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dasar pelajaran, dasar kebudayaan dan dasar pembangunan negara, telah digubal dengan teliti bagi kepentingan keseluruhan rakyat dan masa depan negara. Dasar Ekonomi Baru yang dilancarkan dalam tahun 1970, memberi keutamaan kepada matlamat perpaduan negara. Strategi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat, adalah dengan tujuan untuk meletakkan asas-asas perpaduan yang kukuh di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh sepuloh tahun yang lalu, telah membawa berbagai-bagai kejayaan. Daya pengeluaran negara telah meningkat. Sektor-sektor moden telah berkembang dengan pesatnya. Kemudahan-kemudahan sosial dan infrastruktur telah diperluaskan. Kadar kemiskinan dan kadar pengangguran telah berkurangan. Kedudukan ekonomi bumiputera telah menjadi bertambah baik. Faedah pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru telah dinikmati oleh keseluruhan rakyat.

Pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat, akan membawa perubahan-perubahan yang lebih pesat lagi, dibandingkan dengan tempoh sebelumnya. Rakyat, khususnya kaum bumiputera, mestilah mengambil kesempatan, untuk melibatkan diri di dalam usaha-usaha pembangunan ini. Setiap ahli UMNO hendaklah meningkatkan lagi usaha mereka di dalam pembangunan. Di samping itu, kita mestilah mengambil daya-usaha untuk menggalakkan dan mendorong bumiputera, supaya menyertai usaha-usaha ini.

Salah satu daripada program yang penting di bawah Rancangan Malaysia Keempat, ialah pemilikan saham sektor syarikat oleh bumiputera. Sebagaimana kita maklum, Sekim Amanah Saham Nasional telah dilancarkan pada 20hb. April lalu. Setakat ini, sambutan rakyat bumiputera kepada Sekim ini adalah menggalakan. Saya menggesa semua ahli UMNO untuk menyertai Sekim ini, dan mendorong rakyat bumiputera untuk mengambil bahagian. Sekim ini adalah sekim untuk semua bumiputera. Ia bukan untuk ahli-ahli sesuatu parti atau untuk golongan-golongan tertentu.



YAB Dato' Hussein Onn, semasa memasangkan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor Bahru, Di Dewan Kelab Golf Tasek Utara, Johor Bahru pada 15hb Mei, 1981.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dasar-dasar yang kita laksanakan, adalah untuk kepentingan keseluruhan rakyat dan masa depan negara. Untuk meneruskan usaha-usaha ke arah perpaduan, keadilan, kemakmuran dan kesejahteraan, kita memerlukan kestabilan. Kita juga memerlukan sokongan dan kerjasama rakyat, bagi menjamin kejayaan program-program yang dirancangkan.

Tindakan-tindakan yang boleh memecah belahkan rakyat, atau menghalang mereka daripada menyertai program-program untuk faedah mereka sendiri, boleh menjelas usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat-matlamat negara. Demi kepentingan masa depan kita, semua pihak mestilah bertindak secara bertanggung-jawab, bagi mencegah suasana yang tidak sihat daripada berlaku.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebagaimana kita maklum, Perhimpunan Agong UMNO akan diadakan pada 26hb. Jun depan. Perhimpunan ini akan memilih pemimpin-pemimpin Parti, termasuklah Presiden dan Timbalan Presiden. Presiden UMNO, sebagai Ketua Parti yang menjadi teras Kerajaan, akan juga memegang jawatan Perdana Menteri.

Beban, tugas dan tanggungjawab seseorang Perdana Menteri adalah berat. Bagi negara kita yang membangun, dan dengan keadaan politik dan sosio-ekonomi masyarakat berbilang kaum, beban ini menjadi lebih berat lagi. Keadaan seperti ini memerlukan pucuk pimpinan yang dapat menumpukan sepenuh fikiran dan tenaga, kepada semua masalah dan cabaran, yang dihadapi oleh negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Baru-baru ini terdapat berbagai spekulasi mengenai saya. Biarlah saya menjelaskan perkara ini.

Sepertimana tuan-tuan dan puan-puan maklum, saya telah berkhidmat dengan Kerajaan lebih daripada 10 tahun. Dalam tempoh ini saya telah memegang berbagai jawatan. Jawatan Perdana Menteri telah saya pegang lebih daripada lima tahun.

Dengan keadaan kesihatan saya akhir-akhir ini, saya telah menimbangkan dengan teliti, beban dan tanggungjawab saya sebagai seorang Perdana Menteri dan Ketua Parti. Adalah menjadi harapan saya, bahawa pembedahan yang saya jalani akan membolehkan saya menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab yang diharapkan daripada Ketua Parti dan Perdana Menteri. Walau bagaimana pun, dalam tempoh selepas pembedahan ini, saya berasa bahawa kesihatan saya tidaklah sepertimana yang saya harapkan. Memandangkan kepada hal ini, saya khuatir saya tidak akan dapat menunaikan sepenuhnya tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab jawatan-jawatan Ketua Parti dan Perdana Menteri. Demi kepentingan negara, jawatan Ketua Parti dan Perdana Menteri harus disandang oleh seorang yang tidak terganggu kesihatannya, dan dapat memikul sepenuhnya tanggungjawab dan tugas jawatan-jawatan ini.

Perubahan pemimpin adalah perkara biasa. Perubahan ini hendaklah berlaku dengan licin dan teratur. Bagi menjamin keadaan ini, masa bagi sesuatu perubahan itu perlulah sesuai. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, tempoh saya memegang jawatan Presiden Parti akan berakhir dengan Perhimpunan Agong ini, dan Perhimpunan kali ini akan memilih pucuk pimpinan Parti. Ini merupakan masa yang paling sesuai bagi membuat perubahan. Oleh itu, saya telah membuat keputusan tidak akan menerima pencalunan untuk bertanding bagi jawatan Presiden UMNO.

Ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa, perletakkan jawatan saya harus dibuat selepas Pilihanraya akan datang. Ini memang telah saya timbangkan. Tetapi saya khuatir dengan keadaan kesihatan saya ini, ada kemungkinan saya terpaksa mengundur diri sebelum Pilihanraya itu. Ini sekiranya berlaku, mungkin menimbulkan masalah kepada orang yang mengambil alih jawatan Ketua Parti dalam menghadapi Pilihanraya. Keputusan saya untuk meletakkan jawatan Presiden Parti, menjelang

Perhimpunan Agong ini, memberi masa yang cukup kepada pengganti saya untuk meneraju Parti.

Tarikh saya akan meletakkan jawatan Perdana Menteri akan saya bincangkan dengan Presiden UMNO yang baru. Adalah tujuan saya hendak meletakkan jawatan ini dengan secepat mungkin.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kepimpinan adalah faktur utama bagi menjamin kekuatan Parti kita. Kita mestilah menjamin supaya UMNO sentiasa mempunyai barisan pemimpin yang berkaliber. Oleh itu, kita mestilah memupuk kelahiran tokoh-tokoh yang dapat meneruskan perjuangan kita. Ini sentiasa menjadi panduan saya. Pendirian ini menjadi salah satu faktur di dalam keputusan saya tidak bertanding lagi.

Menjelang Perhimpunan Agong ini, ada Bahagian-bahagian yang telah mencalunkan saya untuk bertanding bagi jawatan Presiden Parti. Saya merasa terharu di atas keyakinan terhadap saya itu, dan mengucapkan berbanyak terima kasih. Dengan penjelasan yang saya berikan tadi, saya harap ahli-ahli UMNO akan memahami keadaan dan keputusan yang dibuat oleh saya itu.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan Majlis ini. Saya harap Mesyuarat Perwakilan ini akan berjalan dengan licin dan berkesan.

Dengan segala sukacitanya, saya merasmikan Mesyuarat Perwakilan ini.

Wabillahit-taufiq, walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN SRI GADING, DI SEKOLAH MENENGAH TUN ISMAIL, PARIT RAJA, BATU PAHAT, JOHOR PADA 16HB MEI, 1981

Yang Berhormat-Yang Berhormat, Dif-dif Kehormat, Para Perwakilan dan Pemerhati, Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian.

Alhamdulillah, syukur saya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat saya hadir di mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Sri Gading ini.

Negeri Johor serta rakyatnya sedang berkabong di atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail. Marilah kita bersama-sama berdoa, semoga Allah Subhanahu Wata'ala mencucuri rahmatNya ke atas roh Almarhum itu.

Sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan Sri Gading, saya merasa amat sukacita dapat melawat kawasan ini, walaupun dalam jangka waktu yang singkat. Lawatan saya ke Sri Gading ini, adalah lawatan pertama semenjak saya kembali dari London bulan Mac yang lalu. Sambutan yang diberikan oleh saudara-saudara sekelian ketika saya sampai ke tanah air, adalah amat mengharukan. Perhatian yang diberikan kepada saya, adalah satu penghargaan dan akan sentiasa kekal di hati dan di dalam ingatan saya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian,

Saya merasa bangga dengan keteguhan UMNO dan kestabilan politik di kawasan Sri Gading. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli UMNO, penyokong-penyokong parti dan masyarakat keseluruhannya, diatas sumbangan mereka, serta kerjasama dan sokongan yang diberikan kepada saya. Ini merupakan hadiah yang istimewa.

Saya juga merasa sukacita dengan kejayaan-kejayaan Bahagian ini. Ahli-ahli parti telah bertambah daripada 15,424 orang pada tahun lalu, kepada hampir 17,000 pada tahun ini. Kita dapat berbangga dengan sumbangan kita terhadap keutuhan parti dan kegiatannya. Saya yakin, sumbangan kita ini, dapat kita tingkatkan lagi di masa-masa hadapan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian,

Berbagai-bagai projek telah dilaksanakan di kawasan Sri Gading dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Sebuah Jawatankuasa Petugas telah dibentuk bagi menjamin pelaksanaan pembangunan secara berkesan. Dengan kerjasama semua pihak, pembangunan di kawasan ini telah dapat dilaksanakan dengan memuaskan.

Saya sedar bahawa masih ada projek-projek yang diperlukan oleh kawasan ini. Insya-Allah, sebahagian besar daripadanya akan dapat dilaksanakan di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Masalah pengairan yang menjadi masalah utama bagi kawasan ini, sedang diberi perhatian. Dengan pencegahan banjir projek-projek pertanian, perindustrian dan perdagangan, dan pembekalan infrastruktur, akan dapat kita laksanakan dengan lebih tersusun lagi.

Rancangan Malaysia Keempat telah mendapat peruntukan yang besar. Program-program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula mayarakat terus diberi keutamaan. Salah satu program yang mendapat tempat yang istimewa ialah pemilikan saham di dalam sektor syarikat oleh bumiputera. Bagi mencapai matlamat pemilikan saham, sekurang-kurangnya 30 peratus oleh bumiputera menjelang tahun 1990, Sekim Amanah Saham Nasional telah dilancarkan. Setakat ini, sambutan kaum bumiputera terhadap Sekim ini adalah amat menggalakkan. Saya menggesa masyarakat bumiputera di kawasan Sri Gading supaya menyertai Sekim ini, sebagai salah satu usaha dan perjuangan kita untuk menebus kelemahan ekonomi bumiputera.



YAB Dato' Hussein Onn sedang berjabat tangan dengan salah seorang wanita UMNO yang menyambut ketibaan beliau, untuk merasmikan Persidangan UMNO Bahagian Sri Gading, Batu Pahat, Johor pada 16hb Mei, 1981.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kita telah menentukan beberapa matlamat, berhubung dengan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat yang harus dicapai menjelang tahun 1990. Hasrat ini memerlukan usaha-usaha yang lebih gigih daripada semua pihak. Pembangunan sehingga akhir dekad ini, akan membawa perubahan-perubahan yang pesat, yang akan dirasai oleh setiap lapisan masyarakat. Perubahan-perubahan ini, bukan sahaja dari segi ekonomi, tetapi juga dari segi sosial.

Perubahan-perubahan yang pesat di dalam satu tempoh yang singkat ini, memerlukan penyesuaian semua pihak. Mungkin setengah-setengah pihak akan merasa cemas atau bimbang dengan perubahan-perubahan yang berlaku ini. Saya tegaskan perkara ini kerana rakyat harus mempunyai ketabahan dan membuat persediaan, untuk menggunakan sebaik-baiknya keadaan yang berubah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Di Johor Bahru semalam, saya telah mengumumkan keputusan saya tidak akan bertanding bagi jawatan Presiden UMNO. Saya juga menjelaskan bahawa, saya akan meletak jawatan sebagai Perdana Menteri, setelah berbincang dengan Presiden baru UMNO yang dipilih oleh Perhimpunan Agung bulan hadapan.

Akhir-akhir ini, saya telah memikirkan dengan mendalam dan panjang-lebar mengenai kesihatan dan tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri, Presiden Parti dan lain-lain. Beban dan tanggungjawab jawatan-jawatan ini, adalah berat. Pada pendapat saya, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh negara yang kita kasihi ini, sentiasa memerlukan pemimpin yang bolih memikul tanggungjawab-tanggungjawab yang diharapkan, dengan sepenuhnya, tanpa gangguan kesihatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kita dapat berbangga bahawa UMNO adalah sebuah parti yang

demokratik. Dalam amalan demokrasi, bukanlah menjadi tanggung-jawab seseorang pemimpin untuk melantik penggantinya. Kebebasan memilih pemimpin adalah hak asasi ahli-ahli. Para perwakilan UMNO akan memilih pemimpin-pemimpin parti di Perhimpunan akan datang. Inilah masanya mereka akan menggunakan hak masing-masing. Salah satu syarat yang menjamin ketenteraman perjalanan demokrasi ialah, sikap bertanggungjawab dan kematangan pertimbangan ahli-ahli. Persaingan tanpa sopan-santun akan menjelaskan proses ini. Dalam hal ini, saya menyeru para perwakilan sekelian untuk menunaikan tanggungjawab ini dengan bijak.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekelian,

Kaliber dan kemampuan pemimpin adalah faktor yang amat penting, yang menentukan Parti. Pada hemat saya, pemimpin-pemimpin hendaklah mempunyai sifat-sifat kejujuran, disiplin, ketegasan dan kerjasama.

Seseorang pemimpin mestilah jujur. Kejujuran yang saya maksudkan, bukan sahaja dari segi sokongan yang diberi kepada perjuangan parti, tetapi juga dalam pemikiran, pertimbangan dan tindakan. Tanpa kejujuran yang tulin, seseorang pemimpin akan menggunakan jawatannya sebagai bahan dagangan untuk mencapai kedudukan, mencari pengaruh, nama dan membolot kekayaan. Ia akan menjadikan parti dan perjuangan sebagai topeng untuk memuaskan hawa nafsu. Ia akan mengambil kesempatan daripada sesuatu suasana atau krisis untuk menanggok di air keroh. Itulah sebabnya seseorang pemimpin mesti jujur kerana tanpa kejujuran perjuangan parti akan diperalatkan.

Disiplin yang tinggi, juga menjadi sifat yang penting bagi seseorang pemimpin. Disiplin adalah pagar yang membendong seseorang daripada tindak-tanduk yang terkeluar daripad tata tertib atau peraturan parti. Sekiranya pemimpin lemah dari segi disiplin, apakah lagi yang akan terjadi kepada ahli dan parti. Tanpa disiplin yang tinggi, seseorang pemimpin bukan sahaja boleh diperalatkan oleh pihak-pihak yang ingin mencari pengaruh, tetapi juga akan mendorong dirinya kepada penyelewengan.

Ketegasan, juga merupakan sifat yang penting dalam menunai-kan tanggungjawab dan menghadapi sesuatu cabaran. Seseorang pemimpin mestilah tegas dalam menjunjung kepentingan dan prinsip-prinsip perjuangan serta kehormatan parti. Tanpa ketegasan, ada pihak yang akan mengambil kesempatan untuk memperkudakan perjuangan parti untuk kepentingan mereka.

Kesediaan dan kemampuan untuk bekerjasama, juga merupakan sifat penting. Kerjasama menjadi lebih-lebih lagi penting bagi sesuatu barisan pemimpin. Kerjasama akan memberi keyakinan dan kesan yang lebih, kepada sesuatu keputusan atau tindakan. Kerjasama, khususnya di kalangan pemimpin, akan menjadi kukuh dengan sifat-sifat kejujuran, disiplin dan ketegasan. Taktik menikam dari belakang, untuk menjelaskan sesuatu prinsip atau tindakan, untuk menjatuhkan pemimpin yang mempunyai sifat-sifat yang saya sebutkan itu, merupakan tindakan yang mencabar maruah dan kehormatan parti.

Menjelang Perhimpunan Agung bulan hadapan, ahli-ahli UMNO mestilah memikirkan dengan bijak dan bertanggungjawab tentang bakal-bakal pemimpin yang akan meneraju parti dan memikul amanah ahli-ahlinya. Pemimpin-pemimpin Parti akan berhadapan dengan berbagai-bagai cabaran. Mereka mestilah mempunyai serta mengamalkan nilai-nilai perjuangan yang tinggi, selaras dengan tanggungjawab UMNO sebagai Parti yang menjadi teras politik negara.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, kita sedang menghadapi berbagai-bagai perubahan. Dalam suasana perubahan yang pesat ini, adalah menjadi amat penting bagi UMNO menumpukan perhatian dan memberi keutamaan kepada isu-isu masa depan. Parti UMNO, dengan perjuangannya, mestilah melihat ke hadapan. UMNO tidak harus membuang masa dengan isu-isu kecil, atau isu-isu yang telah ditelan masa. Kita harus mengatur langkah-langkah perjuangan menghadapi cabaran masa depan. Perjuangan kita seterusnya memerlukan penyatuan tenaga dan tindakan yang lebih jitu dan berkesan. Tindakan yang boleh menjelas keutuhan UMNO, oleh mana-mana pihak di dalam Parti, yang terkeluar daripada

landasan disiplin, dan menggugat maruah dan kehormatan Parti, tidak boleh dibiarkan. Mereka yang menggunakan taktik-taktik ini, adalah mereka yang meletakkan kepentingan diri di atas kepentingan perjuangan Parti. Demi kematangan perjuangan kita, mereka harus sedar tentang padah dan akibatnya.

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru setiap ahli UMNO, supaya membaharui azam dan tekad mereka, dalam meneruskan perjuangan Parti. Ahli-ahli sendirilah yang menentukan kekuatan dan keutuhan UMNO. Di tangan ahli-ahli jugalah terletaknya kemampuan serta haluan perjuangan kita. Kita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab dan amanah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Dengan segala sukacitanya saya merasmikan Mesyuarat Perwakilan ini.

Wabillahit-taufiq Walhidayah, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN PEMBUKAAN DEPOH BAIK-PULIH KAPALTERBANG TUDM (AIROD) DI SUBANG PADA 6HB JUN, 1981

YB Datuk Abu Hassan bin Omar, Timbalan Menteri Pertanian, Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Ghazali bin Mohd. Seth, Panglima Tentera Udara, Lt. Jen. Datuk Mohamed bin Taib, Dif-dif Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan rahmat dan izinNya, dapat kita bersama-sama hadir di Majlis ini. Saya mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan terima kasih kepada penganjur Majlis, di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk merasmikan Depoh Baikpulih TUDM ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Semenjak kita mencapai kemerdekaan, Kerajaan telah memberi keutamaan kepada pembangunan negara. Di samping itu, Kerajaan memberi perhatian yang sewajarnya kepada keperluan pertahanan, selaras dengan kemampuan negara, memandangkan perkaitan erat pembangunan dengan keselamatan.

Berbagai-bagai usaha telah diambil, untuk meningkatkan kemampuan pertahanan negara. Bilangan anggota Angkatan Bersenjata kita telah ditambah. Kita telah mengambil dayausaha untuk membekalkan tentera kita dengan peralatan dan senjata moden. Demikian juga kita telah memberi perhatian kepada usaha-usaha membina pengkalan-pengkalan, depoh-depoh dan lain-lain kemudahan yang diperlukan. Ini, tidak dapat tidak, merupakan perkara yang kita mesti tunaikan, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Walaubagaimana pun, usaha-usaha bagi memenuhi keperluan

pertahanan bagi sesebuah negara, tidak mungkin dapat ditunaikan sepenuhnya, memandangkan kepada keutamaan-keutamaan yang lain, yang juga memerlukan perhatian, di samping sumber-sumber yang terhad. Kita hendaklah sentiasa sedar dengan hakikat ini.

Di dalam keadaan ini, usaha-usaha untuk memoden dan meningkat kemampuan pertahanan, perlu mengambil kira beberapa perkara. Pertama, Angkatan Bersenjata kita mestilah mempunyai susunan organisasi yang berkesan, untuk membolehkannya menghadapi apa-apa jua kemungkinan. Kedua, Angkatan Bersenjata kita mestilah mendapat latihan yang cukup, di dalam bidang-bidang yang tertentu. Ketiga, Angkatan Bersenjata kita hendaklah menggunakan apa jua kemudahan dan sumber yang terhad ini, dengan sebaik-baiknya dan dengan cara paling berkesan.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Di samping memberi keutamaan kepada usaha-usaha penyusunan semula masyarakat dan pembasmian kemiskinan, pertahanan negara telah diberi keutamaan yang penting di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Keselamatan dan pertahanan negara telah diberi peruntukan yang besar. Namun demikian, walaupun senjata dan peralatan, serta bilangan anggota Angkatan Bersenjata adalah penting, ia bukanlah faktor penentuan. Yang lebih penting ialah orientasi, semangat dan disiplin setiap anggota Angkatan Bersenjata, dan kerjasama serta sokongan rakyat dalam pertahanan negara.

Usaha-usaha untuk meningkatkan kemampuan pertahanan negara, semestinya juga memberi keutamaan kepada penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan yang penting, seperti kerja-kerja baik-pulih dan penyelenggaraan. Tanpa perkhidmatan-perkhidmatan ini, kita akan terpaksa bergantung kepada negara-negara atau pihak-pihak yang lain. Cara ini bukan sahaja tidak memuaskan, malahan membendong perkembangan Angkatan Bersenjata kita di dalam kemajuan teknologi.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Penubuhan Depoh Baikpulih TUDM ini, adalah satu perkembangan yang membanggakan. Di samping membolehkan kerja-kerja baik-pulih dan penyelenggaraan dibuat oleh kita sendiri, ia akan membuka lapangan kemahiran dan teknologi baru bagi anggota-anggota Tentera Udara DiRaja Kita. Ini adalah satu kemajuan yang harus disambut dengan baik.

Saya ingin mengambil kesempatan ini, untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pegawai dan anggota TUDM di atas kejayaan mereka ini. Saya juga mempunyai penuh kepercayaan bahawa TUDM, seperti mana yang telah dibuktikan pada masa-masa yang lalu, akan terus meningkatkan keupayaan dan kemampuan mereka dalam mempertahankan keselamatan negara. Dengan ini, saya dengan sukacitanya, merasmikan pembukaan Depoh Baik-pulih kapalterbang TUDM ini.



YAB Dato' Hussein Onn semasa melawat Depoh Balkpulih Kapal Terbang TUDM (AIROD) di Subang selepas merasmikan pembukaannya pada 6hb Jun, 1981.

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DI MAJLIS
MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PE-
RINGKAT KEBANGSAAN, DI SEREMBAN,
NEGERI SEMBILAN PADA 21HB JUN, 1981**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh. Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Jaafar ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Rahman, Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan¹.

Ampun Tuanku,

Patek dengan penuh hormat dan takzimnya, menjunjung kasih ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia, kerana berkenan berangkat ke Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan ini. Keberangkatan Duli-Duli Yang Maha Mulia adalah menyerikan lagi Majlis ini. Kehadiran Tuanku adalah juga bukti bahawa Tuanku berdua sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan ugama Islam di negara kita ini,

Yang Amat Mulia-Yang Amat Mulia, Datuk-Datuk Undang Jelebu², Johol³, Rembau⁴ dan Tok Puan-Tok Puan, Yang Amat Mulia Tunku Besar Tampin⁵ dan Tunku Isteri.

Saya juga mengucapkan berbanyak terima kasih di atas kehadiran Yang Amat Mulia-Yang Amat Mulia Datuk-Datuk Undang dan Tok Puan-Tok Puan, serta Yang Amat Mulia Tunku Besar Tampin dan Tunku Isteri di Majlis Musabaqah ini.

D.Y.M.M. Tuanku, Ampun Tuanku,

Patek memohon izin, untuk berucap kepada para hadirin sekelian. YB Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengurus Jawatankuasa Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan; YAB

¹ DYMM Tunku Najihah binti Tunku Besar Burhanuddin.

² YAM Dato' Mendika Akhir Zaman Datuk Musa bin Wahab, P.J.K.

³ YAM Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa Sitiawan Dato' Haji Abdul Majid bin Wahid.

⁴ YAM Dato' Sedia Raja Dato' Haji Adnan bin Maah.

⁵ YAM Tunku Syed Idrus bin Tunku Syed Mohamed.

Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri; YB Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri; YAB Dato' Abdul Rais Yatim, Menteri Besar Negeri Sembilan; YAB Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri; Dif-dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah rahmat dan IzinNya, dapat kita sekali lagi bersama-sama berkumpul di Majlis Pembukaan Musabaqah Membaca Al-Quran, Peringkat Kebangsaan yang mulia ini.

Adalah menjadi kebiasaan bahawa, Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kebangsaan, diadakan di Kuala Lumpur. Pada tahun ini, kita telah memecah tradisi ini dengan mengadakan Musabaqah ini di Seremban, Negeri Sembilan. Ini adalah satu perkembangan yang penting. Dengan perubahan ini, dapatlah masyarakat di luar Ibu Kota, Kuala Lumpur, turut serta menyambut Musabaqah Peringkat Kebangsaan dengan lebih dekat lagi. Insyaallah, umat Islam di negeri-negeri lain, akan mendapat peluang yang sama, apabila tiba giliran negeri mereka untuk menjadi tuan rumah kepada Musabaqah ini, di tahun-tahun akan datang. Dengan cara ini, adalah diharapkan kesan Musabaqah ini, sebagai satu usaha meningkatkan syiar Islam, akan bertambah-tambah lagi.

Tema Musabaqah pada kali ini ialah “KEJAYAAN DUNIA DAN AKHIRAT MENURUT AL-QURAN”. Tema ini adalah amat sesuai dan tepat. Kita tidak dapat menafikan bahawa Al-Quran adalah kitab petunjuk yang lengkap lagi sempurna, mengenai kehidupan manusia sebagai individu, dan peranannya di dalam keluarga serta masyarakat. Ia memberi petunjuk cara kehidupan di dunia ini dalam berbagai-bagai jurusan dan peranan sebagaimana yang dituntut. Ia juga memberi petunjuk mengenai ibadat dan jalan ke akhirat. Sebenarnya Al-Quran itu ialah panduan kesempurnaan hidup, iaitu hidup dunia dan akhirat yang berjaya.

Al-Quran bukan sahaja memberi petunjuk kepada kita mengenai iman dan kepercayaan, tetapi juga mengenai ibadat. Kalau diteliti, hikmat kepercayaan dan ibadat, memberi faedah yang nyata kepada seseorang manusia, baik dari segi jasmani atau

pun rohani. Ia membentuk kesucian jiwa seseorang, dan dapat meletakkan asas-asas kukuh bagi seseorang manusia menjalankan tugas terhadap Tuhan-Nya dan menunaikan peranan dan tanggungjawab di kalangan sesama makhluk.

Disamping itu, Al-Quran juga memberi petunjuk mengenai rukun dan cara hidup di dunia, iaitu dari segi hidup seorang individu, dan berbagai tugas dan tanggungjawabnya di dalam masyarakat dan negara. Kalau diteliti daripada kehendak Islam keseluruhannya, segala asas peraturan hidup, sama ada yang berhubung dengan politik, ekonomi, sosial, pentadbiran, diplomasi dan lain-lain, telah pun ditentukan di dalam Al-Quran dan dijelaskan lagi dengan hadith dan sunnah.

Islam memberi keutamaan yang tinggi kepada akhlak dan keperibadian mulia seseorang manusia. Nabi Muhammad S.A.W. sebagaimana kita maklum, adalah diutuskan sebagai pembimbing akhlak dan keperibadian yang mulia. Akhlak yang mulia dikalangan individu, akan melahirkan masyarakat yang rukun lagi sejahtera. Cara hidup di dunia dengan berlandaskan akhlak dan peribadi mulia ini, akan mendapat ganjaran di akhirat.

Umat Islam dituntut supaya mengambil bahagian di dalam semua kegiatan hidup yang halal dan yang tidak mendatangkan mudarat kepada masyarakat. Oleh itu, segala aktiviti ekonomi, pelajaran, politik dan sosial, bagi menjamin masyarakat Islam wujud sebagai masyarakat yang sempurna, dan lengkap dari segi keperluan umat, adalah diwajibkan. Di kalangan umat Islam, misalnya, harus terdapat semua rupa kegiatan ekonomi, daripada yang sebesar-besarnya kepada yang sekecil-kecilnya. Yang penting ialah ianya harus halal, dijalankan mengikut Islam dan faedahnya digunakan mengikut jalan yang diredhai Allah. Setiap aktiviti dunia yang berdisiplinkan Islam ini, akan juga membawa faedah untuk akhirat.

Oleh itu, adalah nyata sekali bahawa Islam mementingkan kedua-duanya iaitu dunia dan akhirat. Seseorang manusia yang menjalankan suruhan Allah dan meninggalkan larangannya, bersih hatinya, dan menjalankan hidup ekonomi, politik dan lain-lain di


dunia ini, dengan sempurna dan tidak menyeleweng, maka ia akan mendapat kejayaan dunia dan akhirat.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian;

Bagi umat Islam, kejayaan di akhirat ialah syurga, iaitu tempat di mana seseorang itu mencapai setinggi-tinggi peringkat kepuasan. Kalau diteliti, kejayaan di akhirat ialah kerana adanya dunia dan melalui dunia. Nabi Muhammad S.A.W. menjalankan berbagai kegiatan dan tugas. Yang penting ialah Baginda mengikut semua peraturan Allah. Baginda menjalankan tanggungjawab sebagai manusia, suami, bapa, pemimpin, ketua perang, imam dan lain-lain. Baginda tidak mengabaikan tanggungjawab di dunia. Oleh sebab tanggungjawab ini dilakukan mengikut disiplin Islam, beliau juga menunaikan tanggungjawab akhiratnya.

Bagi seseorang yang mementingkan dunia dan akhirat, wang-ringgit, harta-benda dan lain-lain adalah dianggap sebagai alat untuk menyempurnakan dirinya beribadat, berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat. Oleh itu, kejayaan di dunia dan akhirat boleh menjadi satu, malah seharusnya menjadi satu.)

Oleh sebab manusia dijadikan sebagai semulia-mulia makhluk, dan setiap suatu ciptaan adalah diciptakan untuk manusia, maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab manusia menggunakan segala-galanya itu dengan sebaik-baiknya. Misalnya, sumber-sumber kekayaan haruslah diguna untuk mendatangkan faedah kepada manusia, masyarakat umum, dan bukannya terhad untuk faedah seorang-dua yang menggunakan untuk memuaskan hawa nafsu dan menindas orang lain. Mereka yang kaya, akan mencapai kejayaan dunia dan akhirat sekiranya kekayaannya digunakan mengikut kehendak Islam untuk kebaikan dirinya, keluarganya, mereka yang daif dan masyarakat. Hikmat kehidupan di dunia untuk kejayaan di akhirat, tidak terhingga banyaknya. Adalah menjadi tanggungjawab umat Islam mensuaikan keperluan dunia dan akhirat dan mencapai kejayaan di dalam kedua-duanya.



YAB Dato' Hussein Onn, semasa tiba di majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Peringkat Kabangsaan, di Seremban, Negeri Sembilan pada 21hb Jun, 1981.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Apa yang mendukacitakan kita ialah wujudnya di dalam masyarakat kita, golongan-golongan yang tidak mengimbangkan keperluan dan tanggungjawab dunia dan akhirat. Pada hemat saya, ini adalah akibat daripada kecetekkan pengetahuan mengenai Islam dan pengertian mengenai isi serta maksud Al-Quran.

Golongan yang pertama ialah mereka yang mengenepikan langsung dunia ini. Bagi mereka, dunia tidak penting. Mereka sanggup membuang harta dan kekayaan yang dianggap daki dunia. Mereka lari daripada tanggungjawab terhadap anak-isteri, masyarakat dan negara. Mereka berserah bulat-bulat, dan tanpa usaha mengharapkan belas kasihan orang lain untuk menyara hidup mereka. Mereka tidak peduli dengan seruan supaya memperbaiki taraf ekonomi dan sosial mereka, supaya umat Islam dapat menjadi bertambah kuat dan berjaya di dunia mahu pun diakhirat.

Fahaman seperti ini adalah menyimpang jauh daripada landasan Islam. Al-Quran menggesa umat Islam supaya berusaha bersungguh-sungguh mencari kekayaan asalkan mengikut jalan yang diredhainya. Ini tidak lain adalah dengan tujuan supaya umat Islam menjadi kuat, berguna dan mulia. Firman Allah di dalam Surah Al-Qiyas, ayat 77 yang bermaksud seperti berikut harus menjadi panduan umat Islam:

“Dan tuntutlah, dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mu, akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagian mu, iaitu keperluan dan bekalan mu dari dunia, dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah), sebagaimana Allah berbuat baik kepada mu, (dengan pemberian nikmatnya yang melimpah-limpah), dan janganlah engkau melakukan kerosakan dimuka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan.”

Daripada maksud Firman di atas itu, jelas sekali umat Islam digesa supaya berusaha mencari rezeki dan kekayaan di dunia ini. Umat Islam tidak harus mengharapkan rezeki datang menggolek tanpa usaha yang gigih dan ikhlas. Akan tetapi, janganlah kita mencari kekayaan, kedudukan dan darjah, tanpa cara-cara yang jujur, dan janganlah menggunakananya untuk merosakkan orang

lain dan memecahbelahkan masyarakat. Umat Islam hendaklah berhati-hati dan berwaspada terhadap golongan yang mengabaikan tanggungjawab, meninggalkan dunia dan memecahbelahkan perpaduan.

Umat Islam juga hendaklah berwaspada terhadap ajaran sesat yang mempengaruhi sebahagian daripada umat Islam di negara kita. Mereka yang menerima ajaran yang tidak selari dengan kehendak Al-Quran, adalah mereka yang rugi. Ajaran sesat juga boleh mengancam keselamatan negara, dan seterusnya mengancam kebahagiaan dan kedamaian hidup di dunia ini.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Golongan yang kedua pula ialah golongan yang cintakan dunia semata-mata. Golongan ini berlumba-lumba mencari wang-ringgit dan mengumpul kekayaan. Mereka sanggup menipu, menjalankan kegiatan haram ataupun merosakkan masyarakat hanya untuk mengejar kekayaan. Bagi mereka, harta dan kekayaan adalah untuk memuaskan hawa-nafsu, dan untuk membeli gelaran, pangkat dan jawatan.

Golongan ini lupa dengan konsep dan dasar yang dituntut oleh Islam, seperti tolong-menolong, bantu-membantu, bermuafakat dan saling kasih mengasihani sesama manusia. Golongan ini hendaklah sedar bahawa mereka adalah musuh Islam. Merekalah yang banyak menyemaikan penyakit-penyakit masyarakat.

Dengan berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran, dan mengamalkan segala apa yang dituntut olehnya di semua bidang kehidupan kita, saya percaya, umat Islam akan menjadi satu umat yang kuat dan dapat mencapai kejayaan, kebahagiaan, kedamaian dan kesejahteraan di dunia dan juga di akhirat. Sempena dengan Musabaqah ini, bersama-sama lah kita meneliti maksud Al-Quran dan merenungi tema Musabaqah kali ini, semoga kita mendapat petunjuk dan berkat daripadanya.

Tuan-Tuan dan puan-puan sekelian,

Beberapa hari lagi, kita akan berada di dalam bulan Ramadhan. Di bulan yang mulia itu, umat Islam adalah digalakkan membaca Al-Quran. Tuntutan itu adalah dengan tujuan supaya kita meneliti maksud Al-Quran, dan membersihkan hati dan diri kita. Oleh itu Musabaqah ini dan seterusnya Musabaqah Peringkat Antarabangsa akan mengisi bulan Ramadhan yang mulia dengan bacaan ayat-ayat suci yang mulia. Bersama-sama lah kita memohon petunjuk Allah supaya kita mendapat kejayaan dunia dan akhirat.

Akhirnya, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak, yang telah berusaha bagi menjayakan Musabaqah tahun ini. Semoga segala usaha ini diberkati Allah.

Wabillahi Taufiq Walhidayat.
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

TH 3:6:81

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SELAKU
PRESIDEN UMNO DI MAJLIS MELETAK BATU
ASAS KOMPLEKS BANGUNAN UMNO, JALAN
TUN ISMAIL, KUALA LUMPUR PADA 25HB
JUN, 1981**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

YBM Tengku Razaleigh Hamzah, Penasihat, YB. Senator Dato' Sulaiman Ninam Shah, Pengurus; Ahli-Ahli Jawatankuasa Upacara Meletakkan Batu Asas Kompleks Bangunan UMNO; Yang Amat Berhormat, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad Timbalan Presiden UMNO; dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah; Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Tun Sharifah Rodziah, Naib-Naib Presiden UMNO; Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO; Dif-Dif Kehormat; Ahli-Ahli UMNO dan para hadirin sekelian, Y.A. Berbahagia Tun Hajjah Rahah; Y. Berbahagia Toh Puan Norashikin.

Alhamdulillah, syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana, dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di Majlis Meletak Batu Asas Kompleks Bangunan UMNO pada petang ini. Bagi kita ahli-ahli UMNO di seluruh negara, peristiwa ini adalah penting dan membanggakan.

UMNO adalah sebuah Parti politik yang utama di negara kita. Dengan itu, adalah wajar bagi UMNO mempunyai sebuah bangunan yang melambangkan peranan dan kedudukannya yang penting di dalam politik negara.

Hasrat untuk mempunyai sebuah bangunan Ibu Pejabat Parti sendiri, yang besar dan sesuai, dengan kemudahan-kemudahan yang perlu, dan yang dapat menjadi lambang keutuhan dan perjuangan Parti, merupakan satu cita-cita setiap ahli UMNO, khususnya pemimpin-pemimpin Parti. Hasrat ini menjadi semakin

memuncak semenjak awal tahun tujuh puluhan, apabila ahli-ahli UMNO benar-benar merasa bahawa dewan-dewan persidangan di mana Perhimpunan-Perhimpunan Agung parti telah diadakan adalah tidak begitu sesuai.

UMNO mempunyai ahli yang ramai. Dengan para perwakilan yang ramai di Perhimpunan-Perhimpunan Agung kita, kita memerlukan dewan yang besar bagi sesuatu persidangan. Ini akan dapat diatasi jika kita mempunyai bangunan sendiri yang lengkap dengan kemudahan-kemudahan persidangan. Persidangan dan mesyuarat UMNO yang diadakan di dalam bangunan UMNO sendiri akan menjadi lebih bermakna dan dapat meningkatkan lagi tekad dan azam perjuangan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Negara kita sedang pesat membangun. Di sana sini disekitar Kuala Lumpur pula banyak bangunan-bangunan besar dan tinggi telah dibina. Dalam keadaan ini, tidak hairanlah sekiranya kita juga, sebagai golongan masyarakat yang terbesar yang memegang tampuk politik negara pula, bercita-cita untuk mempunyai bangunan yang sedemikian sebagai lambang dan perjuangan kita.

Insyaallah, empat tahun lagi, di tempat kita berada sekarang ini, akan tersergam sebuah Kompleks Bangunan UMNO setinggi 35 tingkat. Di antaranya, Kompleks ini akan mempunyai dewan persidangan yang besar yang boleh memuatkan 6,000 orang. Kemudahan ini bukan sahaja boleh menempatkan Perhimpunan Agung kita, tetapi juga membolehkan persidangan-persidangan besar diadakan, khususnya persidangan-persidangan antara-bangsa. Kompleks ini, juga akan menjadi sumber pendapatan bagi Parti kita. Ruang pejabat yang cukup dan kemudahan yang sempurna, akan juga membolehkan UMNO menjalankan kegiatannya, seperti penyelidikan, kursus dan pentadbiran, dengan berkesan lagi.

Kemudahan bagi persidangan-persidangan besar di negara kita, termasuk di Ibu Kota, adalah terhad sekali. Oleh itu, Kompleks kita merupakan satu sumbangan dalam usaha untuk meningkatkan

kedudukan negara kita sebagai tumpuan konvensyen antarabangsa. Tumpuan masyarakat antarabangsa terhadap negara kita, bukan sahaja menjadi sumbangan kepada industri pelancungan, tetapi akan meningkat pengetahuan masyarakat antarabangsa mengenai negara dan cara hidup kita.

Kompleks ini, apabila siap kelak, akan menjadi simbol perjuangan UMNO. Ia harus menjadi perangsang kepada setiap ahli UMNO untuk meneruskan perjuangan Parti. Ia harus memberi keyakinan kepada kita bahawa demi kepentingan perjuangan kita, tidak ada pilihan lain bagi kita, kecuali menjamin kejayaan dan keutuhan UMNO.

Sempena dengan peristiwa bersejarah ini, kita terkenang kembali mereka yang menjadi pengasas projek ini. Ada di antara mereka yang telah meninggalkan kita pulang ke rahmatullah. Allahyarham-Allahyarham Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail telah berusaha dengan gigih untuk membawa kenyataan kepada cita-cita ini.

Kepada mereka yang membuat sumbangan terhadap projek ini, Majlis dan peristiwa meletak batu asas ini adalah satu penghormatan kepada mereka sekalian. Ia juga merupakan penghormatan istimewa kepada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Bapa Kemerdekaan kita.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Majlis ini adalah kena dengan masanya. Esok, kita akan menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke 32. Majlis Petang ini, akan mengingatkan para perwakilan sekalian terhadap tanggungjawab mereka untuk menjamin keutuhan, kekuatan dan perpaduan Parti.


Esok Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengambil alih jawatan Presiden UMNO daripada saya. Oleh itu, Majlis ini adalah satu penghormatan kepada saya sebagai Presiden Parti yang akan mengundur diri.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Projek Kompleks ini dapat diusahakan dengan sumbangan fikiran, titik peloh dan wang ringgit orang-orang Melayu. Ini sememanglah menjadi harapan kita, kerana, dengan perjuangan UMNO, telah ramai anggota masyarakat Melayu dan bumiputera yang telah menjadi kaya. Adalah menjadi tanggungjawab masyarakat Melayu, khususnya mereka yang bernasib baik dan dapat memperbaiki kedudukan ekonomi mereka, untuk membuat sumbangan terhadap UMNO. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada setiap ahli UMNO dan lain-lain pihak yang membuat segala rupa dan bentuk sumbangan bagi membawa kenyataan kepada Kompleks ini.

Akhir kata, sempena dengan Majlis ini, marilah kita sama-sama berdoa, semoga segala usaha melaksanakan Kompleks Bangunan UMNO ini akan direstui Allah dan mencapai kejayaan.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.



YAB Dato' Hussein Onn sedang melakukan upacara Meletak Batu Asas Kompleks Bangunan UMNO, Jalan Tun Ismail,
Kuala Lumpur pada 25hb Jun, 1981.

TH 4:6:81

**UCAPAN YAB PERDANA MENTERI SELAKU
PRESIDEN UMNO MALAYSIA, DI PER-
HIMPUNAN AGUNG UMNO KALI YANG KE-32,
DI HOTEL HILTON, KUALA LUMPUR PADA
26HB JUN, 1981**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.
Bismillahir-Bahmanir-Rahim.

Yang Berhormat Dato' Penggerusi¹, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Presiden, Yang Berhormat Naib-Naib Presiden, Ahli-Ahli Majlis Tertinggi UMNO, Ketua-Ketua dan Wakil-Wakil Parti-Parti Komponen Barisan Nasional, Dif-Dif Kehormat, Para Perwakilan dan Pemerhati sekalian.

Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Ailah Subhanahu wata'ala kerana, dengan limpah rahmat dan izinNya, dapat kita bersama-sama berkumpul di majlis pembukaan Perhimpunan Agung UMNO Yang Ke-32 ini.

Perhimpunan Agung UMNO kali ini, telah mendapat perhatian berbagai pihak dari dalam dan luar negeri, golongan politik dan bukan politik. Perhimpunan Agung ini akan memilih pucuk pimpinan Parti. Oleh kerana UMNO adalah sebuah parti politik yang terkemuka di negara kita ini, apa-apa juga perbincangan dan perkembangan daripada Perhimpunan Agung ini, akan mendapat perhatian umum.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ketua dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional yang turut hadir di Majlis ini. Bagi pihak Majlis Tertinggi UMNO dan sekelian ahli Parti, saya mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekelian dan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Bersama-sama lah kita berdoa semoga Majlis ini akan berjalan dengan licin, teratur dan mencapai kejayaan.

¹ YB Dato' Sulaiman Ninam Shah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PERPISAHAN

Sebagaimana yang saya umumkan di Johor Bahru pada 15hb. Mei yang lalu, saya terpaksa mengundur diri dari gelanggang politik atas sebab-sebab kesihatan. Keputusan saya tidak bertanding lagi bagi jawatan Presiden Parti, dan untuk meletakkan jawatan Perdana Menteri dengan secepat mungkin, telah saya buat setelah memikirkannya dengan mendalam dan teliti.

Saya telah memangku jawatan Presiden UMNO pada 14hb. Januari, 1976, iaitu setelah Allahyarham Tun Abdul Razak yang kita kasihi pulang ke rahmatullah. Seterusnya, saya telah dipilih untuk memegang jawatan Presiden Parti dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 1978. Setelah memimpin Parti UMNO yang dikasihi ini lebih daripada lima tahun, pada kali ini, saya berdiri di hadapan tuan-tuan dan puan-puan sekalian bagi kali terakhir dan di saat-saat terakhir sebagai Pesiden UMNO.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PEMILIHAN DAN TAHNIAH

Bagi UMNO, tahun ini adalah tahun pemilihan pemimpin Parti. Pemilihan pemimpin-pemimpin Parti akan berlangsung nanti. Tetapi, sebagaimana kita maklum, Presiden UMNO yang baru telah pun dipilih kerana menang tanpa bertanding apabila pencalonan ditutup. Bagi pihak diri saya dan juga bagi pihak UMNO, saya dengan segala sukacitanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang telah dipilih sebagai Presiden UMNO yang baru. Saya penuh yakin bahawa Dato Seri Dr. Mahathir, dengan kerjasama semua pihak, akan membawa Parti dan negara kepada satu tahap kejayaan yang lebih cemerlang lagi. Bersamalah kita berdoa di atas kesihatan dan keselamatannya, semoga dia dapat menumpukan perhatian, perkhidmatan dan tenaga kepada Parti dan Negara.

Perhimpunan Agung kita merupakan kemuncak amalan demokrasi di dalam UMNO. Di sinilah ahli-ahli memilih pucuk pimpinan Parti, dan melahirkan perasaan serta pendapat mereka, mengenai dasar-dasar yang harus dilaksanakan, atau pun yang telah dilaksanakan oleh Parti dan Kerajaan. Pendapat dan perasaan ahli-ahli, dilahirkan dengan bebas dan terus terang, di dalam Perhimpunan Agung kita. Ini adalah satu amalan yang sihat yang menjamin kekuatan parti dan sokongan ahli. Amalan demokrasi di dalam UMNO dengan disiplinnya, adalah satu perkara yang harus kita bangga dankekalkan. Pada hemat saya, amalan demokrasi di dalam UMNO, dengan disiplinnya ini adalah satu-satunya faktor yang menjadikan UMNO kukuh dan disokong oleh rakyat.

Salah satu daripada tugas-tugas Perhimpunan Agung kita ialah untuk memilih pemimpin-pemimpin Parti. Pemilihan pemimpin melalui sistem perwakilan, adalah menjadi hak asasi ahli-ahli Parti. Hak ini hendaklah dilaksanakan dengan bijak dan bertanggung-jawab, dengan memberi keutamaan kepada kepentingan Parti dan Negara. Ada di antara pemimpin-pemimpin kita ini yang bukan sahaja akan memegang teraju Parti, tetapi juga teraju Kerajaan.

Perhimpunan Agung ini akan memilih Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan Ahli-Ahli Majlis Tertinggi Parti. Saya harap, mereka yang berjaya nanti, bersama dengan Presiden Parti, akan berganding bahu membentuk satu barisan pemimpin Parti yang kuat. Demi kepentingan Parti, bangsa, ugama dan negara, apa-apa jua perselisihan yang timbul daripada persaingan merebut jawatan, hendaklah diketepikan dengan selesainya pemilihan pemimpin-pemimpin Parti, dan sebaliknya di isi dengan semangat kerjasama dan perpaduan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

PERJUANGAN DAN PENCAPAIAN

UMNO telah ditubuhkan di dalam tahun 1946. Pada 11hb. Mei lalu UMNO telah mencapai usia 35 tahun.

UMNO telah ditubuhkan bagi menggembeling tenaga Melayu untuk menumpas gagasan Malayan Union, memperjuangkan kemerdekaan negara, mempertahankan kedudukan bahasa dan bangsa Melayu, Islam dan Raja-Raja. Dengan semangat yang kuat, usaha yang gigih dan kerjasama semua pihak, kita telah mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Setelah tercapainya kemerdekaan, masalah menentukan masa depan negara kita, adalah menjadi tanggungjawab rakyat sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan rakyat untuk mengisi dan memberi makna kepada kemerdekaan yang telah kita capai itu. Antara tugas-tugas penting ini ialah, untuk meninggikan taraf hidup rakyat dari segi sosial dan ekonomi, membetulkan kepincangan-kepincangan yang kita warisi akibat pentadbiran penjajah, dan membina satu negara yang adil dan bersatupadu. Inilah perjuangan kita selepas merdeka. Segala usaha kita dalam Parti dan dalam Kerajaan adalah ditumpukan kepada pencapaian matlamat-matlamat yang saya sebutkan itu.

PELAJARAN

Pelajaran merupakan asas yang penting bagi kemajuan sosial dan ekonomi sesebuah negara yang membangun. Memandang kepada hal ini, Kerajaan telah meluaskan peluang pelajaran serta meninggikan mutunya. Kemudahan pelajaran di peringkat rendah telah diperluaskan ke seluruh negara. Peluang pelajaran di peringkat menengah, dengan kemudahan yang lebih, juga diperluaskan. Beberapa buah universiti baru telah ditubuhkan bagi menampung keperluan pelajaran tinggi. Sekolah-sekolah teknik dan vokesyenal juga telah di bina.

Jumlah pelajar bumiputera diberbagai peringkat telah bertambah dari setahun ke setahun. Dengan usaha-usaha Kerajaan ini, bilangan bumiputera yang menjadi doktor, peguam, jurutera, pentadbir dan lain-lain, telah bertambah. Penuntut bumiputera telah membuktikan bahawa mereka boleh mencapai kejayaan sekiranya mereka diberi peluang dan kemudahan.

EKONOMI

Kemunduran ekonomi orang-orang Melayu, adalah satu perkara

yang hebat diperdebatkan oleh masyarakat Melayu, semenjak begitu lama sebelum merdeka. Hasrat orang-orang Melayu untuk maju dalam bidang ekonomi, adalah salah satu matlamat perjuangan UMNO. Selepas kita mencapai kemerdekaan, berbagai rancangan telah dilaksanakan untuk memperbaiki taraf hidup rakyat. Rancangan pembangunan luar bandar, pembukaan tanah secara besar-besaran, rancangan penanaman semula, rancangan pengairan, rancangan bantuan dalam perniagaan, telah dapat memperbaiki taraf hidup masyarakat bumiputera.

Usaha-usaha pembangunan kita dalam tempoh sepuluh tahun selepas Merdeka, adalah tertumpu kepada usaha memusatkan perkembangan ekonomi dan sosial. Usaha-usaha ini telah mendatangkan faedah kepada rakyat keseluruhannya. Walau-bagaimana pun, jurang perbezaan yang wujud antara kaum merupakan satu faktor yang mengancam perpaduan. Bagi mengatasi masalah ini, Dasar Ekonomi Baru telah digubal pada tahun 1970 dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua. Usaha-usaha ini telah ditingkatkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Matlamat membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat, mencapai kejayaan yang menggalakkan dalam tempoh 10 tahun pertama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Rancangan Malaysia Keempat yang dilancarkan pada tahun ini, akan memusatkan lagi usaha-usaha ke arah pencapaian matlamat-matlamat ini.

PERPADUAN

Kita mewarisi sebuah negara yang mempunyai penduduk berbilang kaum. UMNO sebagai Parti yang terpenting di negara kita yang berbilang kaum ini, hendaklah memberi perhatian kepada masalah rakyat keseluruhannya. Hakikat ini sentiasa disedari oleh UMNO dan dengan kesedaran ini, UMNO telah bersikap adil terhadap semua kaum. Dalam memperjuangkan nasib kaum bumiputera, kita tidak mengenepikan kepentingan kaum-kaum lain. Yang kita tuntut adalah peluang untuk maju bersama-sama dengan kaum lain. Kepercayaan rakyat keseluruhannya dan parti-parti komponen dalam Perikatan dahulu dan Barisan Nasional sekarang terhadap UMNO, adalah bukti kebijaksanaan pendirian dan dasar kita. Marilah kita meneruskan dasar ini dan mengekalkan UMNO sebagai teras politik negara.

Kemajuan yang kita capai setakat ini adalah kerana adanya kestabilan. Dengan wujudnya kestabilan, kita dapat melaksanakan program-program pembangunan dan menarik pelaburan asing. Dalam sesebuah negara yang berbilang kaum seperti negara kita ini, kestabilan tidak boleh dianggap sebagai satu keadaan yang wujud dengan sendirinya dan akan kekal selama-lamanya tanpa asas-asas yang kukuh. Asas kestabilan negara bergantung kepada perpaduan rakyat. Kita telah menetapkan landasan tertentu untuk memperkuatkan perpaduan. Satu bahasa, satu kebudayaan dan satu sistem pelajaran, adalah asas yang penting bagi perpaduan. Kita telah bersetuju dengan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Kebangsaan, bahawa kebudayaan nasional hendaklah berteraskan kebudayaan pribumi, dan generasi muda dididik melalui satu sistem pelajaran kebangsaan. Untuk menjamin lahirnya perpaduan yang tulen di negara kita ini dengan seberapa cepat, setiap rakyat hendaklah jujur dan tegas memberi sumbangan mereka terhadap pelaksanaan dasar-dasar ini.

Usaha mewujudkan masyarakat yang bersatupadu, adalah satu proses yang rumit dan memakan masa. Proses ini akan menjadi lebih rumit dan memakan masa yang lebih panjang lagi, sekiranya ada pihak-pihak yang ingin dan cuba memesongkan haluan kita.

SISTEM PEMERINTAHAN

Semasa kita berjuang untuk mencapai kemerdekaan, kita telah menetapkan sistem demokrasi berparlimen sebagai sistem pemerintahan yang paling sesuai, untuk menjamin "viability" kita sebagai satu bangsa dan negara. Wujudnya Kerajaan adalah untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Adalah hak rakyat untuk menentukan dasar-dasar yang akan dilaksanakan. Tetapi, adalah mustahil bagi rakyat keseluruhannya untuk melibatkan diri dalam proses pemerintahan. Oleh itu, pendapat dan kehendak mereka adalah disalurkan melalui wakil-wakil yang mereka pilih. Wujudnya parti-parti politik adalah dengan tujuan untuk membolehkan rakyat menyalurkan pandangan dan kehendak mereka mengenai pemerintahan. Sistem demokrasilah yang dapat menjamin proses ini berjalan dengan berkesan.

Wakil-wakil yang dipilih oleh rakyat memikul amanah dan

tanggungjawab yang berat. Mereka mestilah menunaikan tugas-tugas mereka dengan jujur dan berkesan.

MASALAH SOSIAL

Masyarakat bumiputera sedang mengalami perubahan yang besar. Cara hidup kita sedang berubah dengan pesatnya, dan akibatnya kita menghadapi berbagai-bagai tekanan. Sebahagian besar daripada masyarakat bumiputera dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan-perubahan ini. Tetapi, sebilangan kecil daripada mereka mendapati sukar untuk membuat penyesuaian. Ada di antara mereka yang merasa hampa, hilang pedoman dan mencari jalan keluar daripada tekanan-tekanan hidup ini dengan cara-cara yang menimbulkan masalah kepada diri mereka dan juga kepada masyarakat. Satu daripadanya ialah penyalahgunaan dadah.

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mencegah penyalahgunaan dadah di negara kita. Kita akan berusaha dengan lebih giat lagi untuk mencari jalan yang lebih berkesan. Usaha yang terpenting ialah dengan menyemai nilai-nilai kerohanian, terutamanya di kalangan muda-mudi kita, supaya masyarakat kita dapat memelihara dan mengawal diri daripada masalah-masalah sosial. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mengatasi masalah-masalah sosial yang kita hadapi ini.

UGAMA

Masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai-nilai moral dan ugama adalah lebih sejahtera daripada mereka yang sebaliknya. Mereka bukan sahaja mempunyai tujuan dan landasan hidup yang nyata dan sempurna, tetapi juga dapat menyesuaikan diri mereka dengan perubahan-perubahan. Mereka akan sentiasa menjadi anggota masyarakat yang berguna. Dengan nilai-nilai kerohanian yang tinggi, mereka dapat mengawal diri mereka daripada penyakit-penyakit masyarakat.

Selain daripada menjadi landasan hidup dunia dan akhirat,

ugama adalah penawar, senjata dan juga benteng yang dapat menyelamatkan kita daripada gejala-gejala yang tidak sihat. Ugama bukan sahaja menjamin kejayaan di akhirat tetapi juga hidup di dunia yang rukun, sempurna dan bermakna. Itulah sebabnya Kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek kerohanian di dalam pembangunan.

Setelah wujud selama tiga puluh lima tahun, UMNO terus teguh dan kekal sebagai teras politik negara, dan sebagai Parti utama yang mendokong Kerajaan. Dengan sumbangan UMNO, hak dan kepentingan kaum bumiputera, kedudukan ugama Islam, dan Bahasa Malaysia, telah dapat dipelihara. Kita juga telah memainkan peranan utama di dalam membangunkan negara. Walaupun kita dapat berbangga dengan kemajuan-kemajuan yang telah kita capai setakat ini, kita harus berusaha dengan lebih giat dan dedikasi lagi untuk terus maju.

Dalam menunaikan peranan dan meneruskan perjuangannya, UMNO memerlukan barisan pemimpin yang dapat mewarisi kepimpinan Parti dari satu masa ke satu masa. Kita tidak harus gagal dalam tugas kita untuk menyediakan barisan-barisan pemimpin yang penuh kaliber bagi membawa UMNO dari satu kemuncak kejayaan kepada satu kemuncak kejayaan yang lain.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya sentiasa bangga dengan UMNO. Saya bangga dengan kejayaannya dan saya bangga dengan sedikit-sebanyak perkhidmatan yang dapat saya sumbangkan kepadanya. Apa-apa jua sumbangan saya itu, adalah dengan sokongan dan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan sekalian.


Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan maklum, tugas dan tanggungjawab Presiden Parti, Pengurus Barisan Nasional dan Perdana Menteri adalah berat. Semasa saya menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab saya, mungkin ada ketikanya tindakan saya itu tidak menyenangkan pihak-pihak tertentu, atau menyentuh perasaan mereka. Ketika saya berhadapan dengan tuan-tuan dan puan-puan bagi kali yang terakhir sebagai Presiden

UMNO ini, saya mengambil kesempatan untuk memohon maaf di atas apa jua kesilapan dan kelemahan saya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekelian,

Akhir kata, saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberi taufik dan hidayahNya kepada kita sekelian dan memberi kejayaan kepada Perhimpunan Agung UMNO yang ke-32 ini.

Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YAB Dato' Hussein Onn selaku Presiden UMNO Malaysia, dalam Perhimpunan Agung UMNO Ke 32, bersama Bapa Malaysia, Tunku Abdul Rahman, ketika membala sambutan alu-aluan dari para perwakilan yang menyambut beliau di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 26hb Jun, 1981.

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI DI UPACARA PENUTUP MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN ANGKATAN TENTERA, DI STADIUM MINDEF, JALAN PADANG TEMBAK, KUALA LUMPUR PADA 10HB JULAI, 1981

Bismillahir-Rahmanir-Rahim, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Yang Berbahagia Penggerusi Majlis, Yang Amat Berhormat, Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad, Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, Yang Berbahagia Panglima Angkatan Tentera, Jen. Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato Seth, Dif-Dif Kehormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian.

Syukur saya ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita menghadiri Majlis Penutup Musabaqah Membaca Al-Quran Angkatan Tentera ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa, di atas jemputan kepada saya dan isteri saya ke Majlis ini.

Saya merasa amat bangga atas semangat dan kemampuan Angkatan Tentera mengadakan Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran, setanding dengan majlis-majlis lain yang bukan bercorak ugama. Majlis ini mengambarkan keutamaan yang diberi oleh Angkatan Tentera kepada aspek kerohanian dan ugama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebagai sebuah negara yang merdeka, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk mempertahankan kedaulatan negara. Usaha-usaha sedang dijalankan, untuk memperbesar dan memodenkan Angkatan Tentera. Kemampuan setiap bidang

ketenteraan – darat, udara dan laut.....akan ditingkatkan. Ini adalah selaras dengan kepentingan dan kemampuan negara. Walau bagaimanapun, usaha-usaha kita ini mungkin tidak dapat mencapai kejayaan yang penuh, jika kita tidak sama-sama meningkatkan kemampuan anggota-anggota tentera dari segi kerohanian. Aspek kerohanian adalah menjadi amat penting memandangkan bahawa kemampuan dan kebolehan sesuatu Angkatan Tentera tidak semata-mata bergantung kepada kelengkapan dan alat senjatanya, tetapi juga kepada disiplin dan semangat yang disemai dengan nilai-nilai kerohanian.

Al-Quran, sebagaimana kita maklum, adalah kitab petunjuk dan gedung ilmu pengetahuan yang lengkap dan sempurna. Kandungan Al-Quran bukan sahaja meliputi perkara-perkara mengenai keimanan, ibadat dan akhirat, tetapi juga aspek-aspek keduniaan seperti politik, pentadbiran, ekonomi, perniagaan hingga kepada ketenteraan. Bagi mendapat faedah daripadanya, seseorang Islam adalah digalakkan membaca, mengulanginya dan meneliti maksud kandungannya. Musabaqah ini adalah satu aktiviti yang boleh membantu pencapaian tujuan ini.

Bagi anggota-anggota Angkatan Tentera, Al-Quran adalah senjata dan perisai yang penting. Semangat, disiplin dan strategi peperangan bagi kepentingan umat adalah jelas diterangkan di dalam Al-Quran. Al-Quran dan ugama Islam jelas menunjukkan cara hidup dan disiplin bagi Anggota-anggota tentera, bagaimana melaksanakan ibadat dan bagaimana pula Tuhan memudahkan ibadat mereka. Walaupun tugas-tugas anggota tentera adalah amat berat, tetapi ini tidak bermakna perintah-perintah Allah boleh diringan-ringankan. Malahan dengan mematuhi peraturan-peraturan ugama, anggota-anggota tentera dapat membuktikan semangat dan disiplin ketenteraan mereka yang tulen.

Semangat keperwiraan tidak kenal kekalahan, adalah satu-satunya yang penting bagi anggota-anggota tentera. Ini adalah perkara yang ditegaskan oleh Al-Quran. Demikian juga Islam mementingkan keperibadian yang tinggi di kalangan umatnya. Al-Quran menegaskan pentingnya prinsip kemanusiaan dan disiplin-disiplin tertentu di dalam kehidupan, termasuklah di dalam peperangan.

Musabaqah Membaca Al-Quran bolehlah dilihat sebagai salah satu usaha yang penting ke arah mengasuh rohani dan jasmani anggota-anggota Angkatan Tentera kita. Ini tentu sekali susah dicapai tanpa usaha gigih anggota-anggota Angkatan Tentera sekalian untuk memahami dan mengasuh diri mengamalkan ajaran Al-Quran.

Oleh itu, Musabaqah Membaca Al-Quran merupakan aktiviti yang penting, yang harus meningkatkan kesedaran kita tentang tanggungjawab kita sebagai orang Islam walau dalam bidang apa sekali pun. Sekiranya setiap anggota umat Islam sentiasa berusaha memperbaiki dirinya sebagaimana dituntut oleh Islam, maka umat Islam tidak dapat tidak akan menjadi umat yang kuat.

Selaras dengan pembesaran Angkatan Tentera dan keutamaan yang diberikan kepada aspek kerohanian, saya telah difahamkan bahawa Cawangan Ugama juga, akan diperbesarkan. Rancangan sedang dibuat untuk menubuhkan satu Jabatanarah Ugama diikuti dengan penubuhan Kor Ugama Angkatan Tentera. Saya menyokong penuh rancangan ini memandangkan mustahaknya kita mempunyai kakitangan yang cukup untuk memberi latihan rohani melalui ugama kepada semua anggota Angkatan Tentera.

Angkatan Tentera kita mempunyai peranannya yang penting dan berat dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Angkatan Tentera kita serta anggota-anggotanya yang telah menjalankan tugas mereka dengan penuh dedikasi dan tanggungjawab dalam memelihara kedaulatan negara dan menjamin keamanan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Pada pagi ini, pihak Angkatan Tentera telah mengadakan satu perbarisan perpisahan untuk saya. Saya sungguh kagum dengan perbarisan oleh seramai lebih kurang tiga ribu anggota tentera daripada ketiga-tiga perkhidmatan. Upacara Perbarisan yang penuh gemilang itu adalah satu penghormatan yang akan sentiasa kekal di dalam kenangan saya. Saya mengambil kesempatan ini

untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha dan berpenat-lelah bagi menjayakan Perbarisan Perpisahan itu.

Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah berusaha bagi menjayakan Musabaqah ini. Semoga segala usaha ini diberkati ALLAH.

Wabillahit-Taufiq Walhidayah, Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



YAB Dato' Hussein Onn ketika menyampaikan hadiah kepada adik Zaid Mohd. Zain, johan kanak-kanak Musabaqah Membaca Al-Quran Angkatan Tentera yang berlangsung di Stadium Mindef, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur pada 10hb Julai, 1981.

I N D E K S

CATITAN:

UNTUK MENGETAHUI BUTIR-BUTIR INDEKS MENGENAI
UCAPAN-UCAPAN DALAM BAHASA INGGERIS SILA
LIHAT MUKA SURAT 101

- Abdullah Ayub, Tan Sri, 1, 2, 6.
- Amanah Saham Nasional, Sekim, 10-11, 13, 32-34, 41, 54, 60.
- Angkatan Tentera, Ketua Turus, 15-16; Kor Ugama, 95; Pertahanan, 66-67; Tentera Darat, 15; Tentera Laut, 15; Tentera Udara, 15.
- Bahasa Kebangsaan, Bahasa Malaysia, 88.
- Barisan Nasional, Parti-Parti Komponen, 83; Pengurus, 90; Presiden Parti, 90.
- Bumiputera, 7, 9; Milik Saham individu, 27; Tabungan, 9; Yayasan Pelaburan, 10-11, 33.
- Dadah, penyalahgunaan, 89.
- Dasar Ekonomi Baru, pelaksanaan, 7, 9-10, 23, 25, 32-24, 38, 48, 54, 87.
- Ekonomi, perubahan struktur, 26.
- Exposisi Latihan Perindustrian, perasmian, 47.
- Ghazali bin Dato Seth, Tan Sri, 16.
- Kebudayaan, Nasional, 88; Pribumi, 88.
- Kemiskinan, pembasmian, 23, 60, 62.
- Malayan Union, gagasan, 86.
- Mohd. Sany bin Abdul Ghafar, Tan Sri, Dato', 14-15, 17.
- Musabaqah, membaca Al-Quran, 70-71, 93, 95.
- Negara, Kedaulatan, 93, 95; Keselamatan, 67-68; Memperkuat ketahanan, 23; Perpaduan, 7.
- Pelajaran Kebangsaan, sistem, 88.
- Pembangunan, konsep, 31.
- Perikatan, Parti-Parti Komponen, 87.
- Rancangan, bantuan dalam perniagaan, 87; Kemudahan infrastruktur, 28; Pembangunan Luar Bandar, 87; Penanaman Semula, 87; Pengairan, 87; Perkhidmatan sosial, 29.
- Rancangan Malaysia, Kedua, 25, 87; Ketiga, 25, 28, 60; Keempat, 23, 25, 27-31, 40-41, 47-48, 54, 60, 67, 87.
- Saham, 7; Hakmilik individu Bumiputera 9-10; Sekim pindah hakmilik, 12, 13.
- Teknik dan vokesyenal, sekolah, 86.
- UMNO, Ahli-ahli Majlis Tertinggi, 83, 85; Batu asas, 78, 80; Kompleks Bangunan, 84; Perhimpunan Agung, 56, 80, 83-84, 91; Presiden 56-58, 62, 80, 84.

NOTE:

**FOR INDEX ENTRIES OF SPEECHES DELIVERED IN
MALAY PLEASE REFER TO PAGE 100**

- Fourth Malaysia Plan, launching, 19-20.
Japanese participation, manufacturing activities in Malaysia, 20.
Masayoshi Ito, Mr, 19.
New Economic Policy, target set under, 19-20.
Takao Kameoka, Mr, 19.
Yen credit, 20.
Zenko Suzuki, Mr, 19, 21.

8 - AUG 1985